

**BAB**  
**KEDUA**

## BAB KEDUA

### PENGENALAN KEPADA SUNNAH

#### 2.1 Pendahuluan

Sunnah merupakan sumber teras kedua Islam selepas al-Quran. Ia merupakan pusaka peninggalan Nabi Muhammad s.'a.w. kepada umat baginda yang wajib dihargai. Justeru, dalam bab ini penulis akan mengupas berkenaan sunnah dari aspek definisi, kedudukan, peranan, dan pengamalannya di zaman Rasulullah s.'a.w., para sahabat dan tabi'in. Huraian ini amat relevan bagi mengukuhkan kefahaman tentang konsep sunnah Rasulullah s.'a.w. yang mendasari kajian yang dijalankan.

#### 2.2 Definisi Sunnah

Perkataan sunnah mempunyai beberapa definisi dari sudut yang berbeza.

##### 2.2.1 Sunnah dari sudut bahasa

Perkataan sunnah dilihat dari sudut bahasa, merupakan Nama Terbitan ( مصدر ) dari perkataan ( سنة - يسن - سن ). Ia mengandungi beberapa pengertian yang antaranya adalah seperti berikut:

- i) Perjalanan<sup>1</sup> yang dilalui sama ada terpuji atau tidak<sup>2</sup>; juga suatu adat<sup>3</sup> yang telah dibiasakan walaupun tidak baik.<sup>4</sup> Definisi ini adalah berdasarkan hadith :

عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
 مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ  
 مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ  
 سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وِزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا  
 يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ.<sup>5</sup>

Maksudnya :

“Daripada Jarīr bin ‘Abd Allāh menyatakan bahawa Rasulullah s. a.w. bersabda : “Sesiapa yang memulakan suatu adat yang baik, lalu ia telah diamalkan oleh orang lain, maka ia akan dicatatkan pahala sebagaimana pahala orang yang mengamalkannya tanpa dikurangi walaupun sedikit. Dan barangsiapa yang memulakan suatu adat yang buruk (tidak elok), lalu ia telah diamalkan oleh orang lain, maka ia akan dicatatkan dosa sebagaimana dosa orang yang mengamalkannya tanpa dikurangi walaupun sedikit.”

<sup>1</sup>Muhammad b. ‘Alī b. Muḥammad al-Syawkānī (t.t), *Irsyād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥaq min ‘Ilm al-Uṣūl*, Kaherah : Dār al-Fikr., h. 33., Muḥammad Syaḥīq Ghīrbāl (1965), *al-Mawsū‘ah al-‘Arabīyah al-Muḥāsarah*. Kaherah : Dār al-Qalam, h. 1021., ‘Abd al-Qādir b. Muṣṭafā (t.t.), *al-Madkhal ilā Madḥab al-Imām Aḥmad b. Ḥanbal*. Dimasyq : Idārah al-Ṭibā‘ah al-Muniriyyah, h. 89., Muḥammad b. Abū Bakr b. ‘Abd al-Qādir al-Rāzī (1967), *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Arabī, h. 317., Ibrāhīm Anīs (Dr.), et al. (1985), *Mu‘jam al-Wasīf*, j. 1. Qaṭar : Idārah Ihyā’ al-Turāth al-Islāmī, h. 456., Sa‘īd al-Khūrī al-Syarṭūnī al-Lubnānī (1889), *Aqrab al-Mawāriid fī Fusaḥ al-‘Arabīyah wa al-Syawāriid*. Bayrūt : Maḥba‘ah Mursalā al-Yasū‘īyah, h. 550.

<sup>2</sup>Rafīq al-‘Ajm (Dr.) et al. (1996), *Mawsū‘ah Kasysyāf Isṭilāḥāt al-Funūn wa al-‘Ulūm*, j. 1. Bayrūt : Maktabah Lubnān, h.979., Abū Zakariyyā Yaḥyā b. Syaraf al-Nawawī al-Dimasyqī (1994), *al-Minhāj*. Bayrūt : Dār al-Ma‘rifah, Muqaddimah, h. 11., Aḥmad b. Muḥammad b. ‘Alī al-Muqrī al-Fayūmī (t.t.), *al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Syarḥ al-Kabīr li al-Raḥī‘i*, j. 1. Bayrūt : al-Maktabah al-‘Ilmiyyah , h. 292., Muḥammad b. Ya‘qūb al-Fayrūz Abādī (1983), *al-Qāmūs al-Muḥīf*, j. 4. Bayrūt : Dār al-Fikr, h. 237., Muḥammad Murtaḍā al-Zābīdī (t.t.), *al-Tāj al-‘Arīs min Jawāhir al-Qāmūs*, j. 8. T.T.P. : T.P., h. 344.

<sup>3</sup>Ṭāhir Aḥmad al-Zāwī (t.t.), *Tarīḥ al-Qāmūs al-Muḥīf ‘alā Tarīḥ al-Miṣbāḥ al-Munīr wa Asās al-Balāghah*, j. 2, c. 3. Bayrūt : Dār al-Fikr, h. 633., Ismā‘il b. ‘Abbād (1994), *al-Muḥīf fī al-Lughah*, j. 8. Bayrūt : ‘Alam al-Kutub, h. 248.

<sup>4</sup>Jamāl al-Ḍīn Muḥammad (Ibn Manzūr) (1968), *Lisān al-‘Arab*, j. 13. Bayrūt : Dār Ṣādir, h. 225.

<sup>5</sup>Hadith ini diriwayatkan oleh Abū al-Ḥusīn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī (Imam Muslim) dalam Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-‘Ilm, Bāb Man Sanna Sunnah Ḥasanah..., sebagaimana yang dinyatakan oleh Abū al-‘Ulā Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī (t.t.), *Tuṭfah al-Aḥwadhī bi Syarḥ Jāmi‘ al-Tirmidhī*, Kitāb al-‘Ilm, Bāb Man Sanna Sunnah Ḥasanah..., no. hadith 6741, j.16, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 443.

ii) Sesuatu yang digilap atau perhiasan. Ia juga boleh membawa maksud wajah kerana ia sentiasa dihias.<sup>6</sup>

iii)Sesuatu perkara atau keadaan yang menguatkan.<sup>7</sup>

iv)Keterangan.<sup>8</sup>

Berdasarkan maksud perkataan ini, jika disebut sunnah Allah SWT, maka ia memberi erti peraturan-peraturan, suruhan dan laranganNya kepada manusia,<sup>9</sup> sebagaimana yang dinyatakan dalam firmanNya :

مَا كَانَ عَلَى النَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ اللَّهُ لَهُ سُنَّةَ اللَّهِ فِي الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلُ وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ قَدَرًا مَقْدُورًا.

Maksudnya:

*“Tidak ada suatu keberatanpun atas Nabi tentang apa yang telah ditetapkan Allah baginya. (Allah telah menetapkan yang demikian) sebagai sunnah-Nya pada nabi-nabi yang telah berlalu dahulu. Dan adalah ketetapan Allah itu suatu ketetapan yang pasti berlaku.”*

Surah al-Aḥzāb (33): 38

سُنَّةَ اللَّهِ فِي الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلُ وَلَنْ تَجِدَ لِسُنَّةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا.

Maksudnya:

*“Sebagai sunnah Allah yang berlaku atas orang-orang yang telah terdahulu sebelum (mu), dan kamu sekali-kali tidak akan mendapati perubahan pada sunnah Allah.”*

Surah al-Aḥzāb (33):62

<sup>6</sup>Ibn Manzūr, *op.cit.*, h. 226.

<sup>7</sup>*Ibid.*, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān (Dr.)(1999), *Ghāyah al-Wuṣūl Ilā Daqā’iq ‘Ilm al-Uṣūl*. T.T.P. : T.P., h. 12.

<sup>8</sup>*Ibid.*

<sup>9</sup>Nāṣir bin ‘Abd al-Karīm al-‘Aql (Dr.)(t.t.), *Mafhūm Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah ‘Inda Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*. Amerika Syarikat : Ma’had al-‘Ulūm al-Islāmiyyah wa al-‘Arabiyyah, h. 15.

## 2.2.2 Sunnah dari sudut Istilah

Sunnah dari sudut istilah syarak secara umumnya ialah setiap perkara yang dinukilkan daripada nabi Muhammad s. 'a.w. yang berbentuk perkataan, perbuatan ataupun *taqrir*.<sup>10</sup>

Walaupun bagaimanapun, sunnah dari sudut istilah secara khususnya diberikan definisi yang berbeza oleh para ulama mengikut perbezaan dimensi kajian mereka.<sup>11</sup>

### 1. Sunnah dari sudut istilah mengikut ahli hadith

Para ahli hadith mengkaji Rasulullah s. 'a.w. dari kapasiti baginda sebagai pemimpin yang memberi petunjuk berdasarkan pemberitahuan Allah SWT bahawa baginda adalah teladan dan ikutan ummah.<sup>12</sup> Justeru, mereka berpendirian bahawa sunnah adalah setiap perkara yang berkait dengan Rasulullah s. 'a.w. sama ada perkataan, perbuatan, *taqrir*,<sup>13</sup> sifat ( akhlak dan fizikal ) dan sejarah hidup

<sup>10</sup>*Ibid.*, Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1979), *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 146.

<sup>11</sup>Muḥammad Muḥammad Abū Zahw (1378 H), *al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn*. Kaherah : Syarikah Musāhamah Miṣriyyah, h. 9., Muṣṭafā al-Sibā'ī (Dr.) (1998), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī' al-Islāmī*. Bayrūt : Dār al-Warrāq, h. 67.

<sup>12</sup>Muḥammad 'Ajjāj al-Khaṭīb (Dr.) (1971), *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*, c. 2. Kaherah : Dār al-Fikr, h. 15.

<sup>13</sup>*Taqrīr* merupakan perbuatan-perbuatan sesetengah para sahabat yang diakui oleh Rasulullah s. 'a.w. dengan cara diam disertai tanda menunjukkan baginda meredhai atau dengan dinyatakan sokongan. Rujuk Iz al-Dīn Bulayq (1978), *Minḥāj al-Sāliḥīn min Aḥādīth wa Sunnah Khātim al-Anbiyā' wa al-Mursalīn*. Bayrūt : Dār al-Fikr, h. 14., Hāsyim Ma'rūf al-Ḥusaynī (1973), *al-Mawḍū'āt fī al-Athār wa al-Akḥbār*. Bayrūt : Dār al-Kitāb al-Lubnānī, h. 12, Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥifnāwī (1991), *Dirāsāt Uṣūliyyah fī al-Sunnah al-Nabawiyah*. Manṣūrah : Dār al-Wafā', h. 14.

baginda sebelum dibangkitkan menjadi rasul mahupun sesudahnya.<sup>14</sup> Kebanyakan ahli hadith menetapkan bahawa pengertian sunnah sama dengan pengertian hadith dari sudut istilah.<sup>15</sup>

## 2. Sunnah dari sudut istilah mengikut ulama *Uṣūl al-Fiqh*

Ulama *Uṣūl al-Fiqh* pula hanya mengkaji Rasulullah s.‘a.w. berdasarkan kedudukan baginda sebagai penetap hukum syarak yang menggariskan kaedah-kaedah untuk para umat sesudah baginda dan menjelaskan undang-undang kehidupan bagi manusia. Justeru, mereka cukup peka terhadap segala perkara yang berkaitan baginda sama ada berupa ucapan, perbuatan dan sebagainya dalam rangka menetapkan hukum-hukum syarak.<sup>16</sup>

Hasil daripada penelitian dari dimensi inilah, lahir satu lagi konsep sunnah menurut ulama *Uṣūl al-Fiqh* iaitu sesuatu perkara yang berasal daripada Rasulullah s.‘a.w. sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan, atau *taqrir* yang bukan merupakan ayat-ayat al-Quran.<sup>17</sup>

<sup>14</sup>Al-Qāsimī, *op. cit.*, h. 146., Muṣṭafā al-Sibā‘ī, *op. cit.*, h. 65., Muḥammad Muḥammad Abū Zahw, *op. cit.*, h.10., Yūsuf al-Qaradāwī (Dr.)(1992), *al-Madkhal li Dirāsah al-Sunnah al-Nabawīyah*. Kaherah : Maktabah Wahbah, h. 12.

<sup>15</sup>Abbās Mutawallī Ḥammādah (1965), *al-Sunnah al-Nabawīyah wa Maknātuhā fī al-Tasyrīf*. Kaherah : al-Dār al-Qawmiyyah li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyr, h. 23., Yūsuf al-Qaradāwī, *loc. cit.*, Muḥammad Muṣṭafā al-A‘zamī (Dr.)(1992), *Dirāsāt fī al-Ḥadīth al-Nabawī wa Tārīkh Tadwīnih*. Bayrūt : al-Maktab al-Islāmī, h. 1., Muṣṭafā al-Sibā‘ī, *loc. cit.*, Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān (Dr.)(1983), *al-Ḥadīth al-Nabawī al-Syarf : Tārīkh wa Muṣṭalāḥatih*. Iskandariah : Muassasah Syabāb al-Jāmi‘ah, h. 7., Muḥammad Muḥammad Abū Zahw, *loc. cit.*, ‘Abd al-Mājid Hāsīm (Dr.)(1986), *Uṣūl al-Ḥadīth al-Nabawī : ‘Ulūmuh wa Maqāyisuh*. Kaherah : Dār al-Syurūq, h. 23.

<sup>16</sup>Al-Khaṭīb, *loc. cit.*, al-Sibā‘ī, *op. cit.*, h. 67.

<sup>17</sup>Muḥammad b. al-Ḥasan al-Badakhshī (1984), *Syarḥ al-Badakhshī*, j. 2. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 271., Abū al-Ḥasan ‘Alī b. Abū ‘Alī b. Muḥammad al-Āmidī (t.t.), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, j. 1. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 241., ‘Abbās Mutawallī Ḥammādah, *op. cit.*, h. 21. Syams al-Dīn Muḥammad b. Aḥmad al-Muḥallā (t.t.), *Hāsīyah al-Bannānī ‘ala Jam‘ al-Jawāmi‘*. Dicitak di tepi ( *bi-Hāmisy*), ‘Abd al-Raḥmān al-Syarbaynī, j.2. Bombay : Muḥammad ‘Abd al-‘Aziz al-Sūrati wa Awwādūh, h. 94., Mannā Qaṭṭān, *op. cit.* h. 88., Muḥammad Riḍā Muzaḥfar (1983), *Uṣūl al-Fiqh*, j. 2., c. 4. Bayrūt : Dār al-Ta‘arūf, h. 57., Muḥammad al-Ḥadāri Bik (1938), *Uṣūl al-Fiqh*, c. 3. Kaherah : Maṭba‘ah al-Istiḳāmah, h. 210., Abū Yahyā Zakariyyā al-

Walaubagaimanapun, ulama *Uṣūl al-Fiqh*, kadang-kadang memaksudkan sunnah sebagai apa yang diamalkan oleh para sahabat Rasulullah s.‘a.w., baik yang bersumber dari al-Quran dan Rasulullah s.‘a.w. ataupun tidak.<sup>18</sup> Pengertian tersebut adalah berdalilkan sabda Rasulullah s.‘a.w. :

قَالَ الْعَرَبَانُصُ صَلَّى بِنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ  
 ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَيْنَا فَوَعظَنَا مَوْعِظَةً بَلِيغَةً ذَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ وَوَجَلَتْ  
 مِنْهَا الْقُلُوبُ فَقَالَ قَاتِلْ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَأَنَّ هَذِهِ مَوْعِظَةٌ مُودَعٌ  
 فَمَاذَا تَعْهَدُ إِلَيْنَا فَقَالَ أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ  
 عَبْدًا حَبَشِيًّا فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسِيرِي اخْتِلَافًا كَثِيرًا  
 فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ تَمَسَّكُوا بِهَا  
 وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ وَإِنَّا كُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ  
 بِدْعَةٌ وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ.<sup>19</sup>

Maksudnya :

*Al-‘Irbād* menyatakan bahawa : "Pada suatu hari kami telah bersolat bersama Rasulullah s.‘a.w. Kemudian baginda telah mengadap kami, lalu memberikan suatu peringatan yang berkesan; yang boleh mengalirkan air mata dan menusuk hati. Maka seseorang berkata : "Wahai Rasulullah peringatan ini seolah-olah peringatan terakhir, maka apa yang engkau ingin pesankan kepada kami?". Maka Rasulullah s.‘a.w. bersabda : "Aku berpesan kepada kalian untuk selalu bertakwa kepada Allah SWT serta patuh dan taat ( kepada pemimpin ), walaupun yang memimpin kalian adalah seorang hamba Habsyi. Sesiapa di antara kalian yang (masih diberi kesempatan) hidup sepeninggalanku, maka akan melihat banyak perselisihan pendapat. Maka ( dalam keadaan seperti itu ), berpegang teguhlah kepada Sunnahku dan Sunnah Khulafa' al-Rāsyidīn yang telah mendapat petunjuk. Tetaplah berpegang teguh kepadanya dan

Anṣārī (t.t.), *Ghāyah al-Wuṣūl Syarḥ Lub al-Uṣūl*, Dicitak di tepi (*bi-Hāmisy*), ‘Abd al-Wahhāb b. al-Subkī, *Lub al-Uṣūl*. Kaherah : Maṭba‘ah ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syurakāh, h. 9., Mas‘ūd b. ‘Umar al-Taftazānī al-Syāfi‘ī (t.t.), *Syarḥ al-Talwīḥ ‘alā al-Tawdīḥ*, j. 1. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 2.

<sup>18</sup>Zayn al-Dīn b. Ibrāhīm (Ibn Najīm)(1936), *Fatḥ al-Ghaffār bi Syarḥ al-Manār al-Ma‘rūf bi Misykāt al-Anwār fī Uṣūl al-Manār*, j. 1. Kaherah : Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 64 dan 65., Abū Ishāq al-Syātibī (t.t.), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī‘ah*, j. 2, juz. 4. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 3., Muḥammad Muḥammad Abū Zahw, *op.cit.*, h. 9., al-Sibā‘ī, *op.cit.*, h. 66.

<sup>19</sup>Abū Dāwūd Sulaymān Ibn al-Asy‘ath al-Sajastānī al-Azdi (1988), *Sunan Abī Dāwūd*. Kitāb al-Sunnah, no. hadith 4607, j. 4. Kaherah : Dār al-Ḥadīth, h. 200.

*gigitlah dengan gigi gerahammu. Dan berhati-hatilah dengan segala persoalan ( agama ) yang moden; kerana setiap bentuk kemodenan ( dalam agama ) adalah bid'ah, dan setiap bid'ah adalah sesat."*

### 3. Sunnah dari sudut istilah mengikut ulama fiqh

Skop kajian ulama Fiqh berkaitan sunnah pula hanya melihat fungsi Rasulullah s. 'a.w. sebagai tokoh yang ditetapkan hukum syarak melalui segala perbuatan baginda. Mereka mengkaji hukum syarak pada segala perbuatan hamba Allah SWT baik perbuatan wajib, haram atau harus.<sup>20</sup>

Justifikasi daripada itulah, para ulama Fiqh telah mendefinisikan sunnah sebagai amalan selain daripada fardhu dan wajib,<sup>21</sup> atau salah satu daripada lima hukum amalan dalam Islam selain wajib, haram, makruh dan harus.<sup>22</sup> Ini bererti, sunnah yang dimaksudkan oleh mereka ialah perkara yang disunatkan atau digalakkan dalam Islam. Secara lebih tepat, sunnah merupakan tuntutan syarak yang bukan wajib dilaksanakan; sesiapa yang melakukannya akan beroleh pahala, tetapi tidak menjadi suatu dosa sekiranya ditinggalkan.<sup>23</sup>

<sup>20</sup> Al-Sibā'ī, *loc. cit.*, al-Khaṭīb, *op. cit.*, h. 16.

<sup>21</sup> Al-Badakhshī, *loc. cit.*, Jamāl al-Dīn 'Abd al-Rahīm b. al-Ḥasan al-Asnawī, (t.t), *Nihāyah al-Siwal fī Syarḥ Minhāj al-Uṣūl li al-Bayḍawī*, j. 3. Kaherah : 'Ālam al-Kutub, h. 5., al-Syawkānī, *loc. cit.*, 'Abd al-Ghani 'Abd al-Khāliq (1993), *Ḥujjiyyah al-Sunnah*, Kaherah : Dār al-Wafā' li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 51. Ibn Najjār (1993), *Syarḥ al-Kawkab al-Munīr*, j. 2. Riyāḍ : Maktabah al-'Ubaykān, h. 160., Abū 'Alī al-Ḥasan b. Syihāb al-Ḥasan al-'Uqbārī al-Ḥanbalī (1992), *Risālah fī Uṣūl al-Fiqh*, Makkah : al-Maktabah al-Makkiyyah, h. 42., Jamāl al-Dīn Abū Muḥammad b. al-Ḥasan al-Isnāwī (1987), *al-Tamhīd fī Takhrīj al-Furū' 'alā al-Uṣūl*, Bayrūt Muassasah al-Risālah, h. 439., Ibn Hajar al-'Asqalānī (1999), *Nuzḥah al-Nazar fī Tawdīh Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*. 'Ammān : Dār 'Ammār li al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 130.

<sup>22</sup> Mannā' Qaṭṭān (1993), *Tārīkh Tasyrī' al-Islāmī*, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, c. 11, h. 87.

<sup>23</sup> Al-Qaradāwī, *op. cit.*, h. 13.



Ulama Fiqh juga kadangkala, mendefinisikan sunnah sebagai lawan bagi perkataan bid'ah.<sup>24</sup> Bid'ah<sup>25</sup> menurut makna etimologi bermaksud setiap perkara yang baru<sup>26</sup> diadakan sama ada ia mendatangkan kebaikan atau keburukan dari sudut adat atau ibadat.<sup>27</sup>

Konsep bid'ah dari sudut syarak secara umumnya ialah sesuatu yang baru diwujudkan atau ditiadakan dalam agama yang tidak terdapat dalam al-Quran dan hadith<sup>28</sup> selepas ia disempurnakan oleh Rasulullah s. 'a.w.<sup>29</sup>

Walaubagaimanapun, ulama berselisih pendapat di dalam menentukan konsep bid'ah dari sudut syarak secara khusus. Imam al-Syāṭibī (m. 790H) membahagikan mereka kepada dua golongan.<sup>30</sup> Golongan yang pertama ialah ulama Uṣūl yang mengkhususkan bid'ah hanya berlaku pada perkara-perkara yang berkaitan ibadat sahaja. Justeru, takrif bid'ah dari sudut syarak pada pendirian mereka ialah:

<sup>24</sup> Al-Syawkānī, *loc. cit.*, Ibn al-Najjār, *op. cit.*, h. 160., al-Sibā'ī, *loc. cit.*, al-Syāṭibī, *op. cit.*, j. 4., h. 3.

<sup>25</sup> Bid'ah merupakan kata nama bagi perkataan ( بَدْعٌ ). Rujuk Ibn Durayd Abū Bakr Muḥammad bin al-Ḥasan al-Azdi al-Baṣri (t.t.), *Kitāb Jamharah al-Lughah*, j. 1. Kaherah : Madrasah al-Ḥalabī wa Syurakāh, h. 245.

<sup>26</sup> Aḥmad Ridā (1958), *Mu'jam Matn al-Lughah*, j. 1. Bayrūt : Dār Maktabah al-Ḥayāh, h. 255., Sa'id al-Lubnānī, *op. cit.*, j. 1, h. 33.

<sup>27</sup> Izzat 'Alī 'Aṭīyyah (Dr.) (t.t.), *al-Bid'ah : Taḥdīdūhā wa Mawqif al-Islām Minhā*. Bayrūt : Dār al-Kitāb al-'Arabi, h. 157.

<sup>28</sup> Zayn al-Dīn Abī 'Abd al-Rahmān b. Syihāb al-Dīn b. Aḥmad (Ibn Rajab al-Ḥanbalī) (1996), *Jāmi' al-Ulūm wa al-Ḥikam*, ditahqiq oleh Yūsuf al-Biqā'i (Dr.), c. 2. Bayrūt : al-Maktabah al-'Asriyyah, h. 289., Wāmid b. Ramzi b. Ṣiddīq al-'Umarī (Dr.) (1998), *Fiqh al-Imān 'alā Manhaj al-Salaḥ al-Ṣāliḥ*. Jordan : Dār al-Nafā'is, h. 347.

<sup>29</sup> Aḥmad b. Muḥammad b. 'Alī al-Muqri al-Fayūmī (t.t.), *al-Miṣbāḥ al-Munir*. Emiriyah Arab Bersatu : Muṣṭafā al-Saqā, h. 44., Aḥmad al-Zāwī (t.t.), *Tartīb al-Qāmūs al-Muḥit*, j. 1, c. 2. Libya : 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syurakāh, h. 230, dikutip oleh Muḥammad Aḥmad 'Abd al-Salām Khaḍr al-Syaqiri (t.t.), *al-Sunan wa al-Mubtadi'āt al-Muta'allaqah bi al-Adhkār wa al-Ṣalawāt*. Kaherah : Dār al-Fikr, h. 15., Jamāl al-Dīn Abū al-Farj 'Abd al-Rahmān Ibn al-Jawzi al-Baghdādī (t.t.), *Talḥīs Ibtis*. Kaherah : Maktabah al-Mutanabbī, h. 16., Dusuki b. Aḥmad (1988), *Kamus Pengetahuan Islam*, c. 3. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 65.

<sup>30</sup> Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Syāṭibī (1996), *Kitāb al-l'ūsām*, ditahqiq oleh Khālīd 'Abd al-Fattāḥ Syabl Abū Salmān, j. 2. Bayrūt : Dār al-Fikr, h. 22.

*"Bid'ah ialah suatu cara yang diada-adakan dalam agama yang dipandang menyamai syariat, dengan berlebih-lebihan dalam soal beribadah kepada Allah SWT."*<sup>31</sup>

Pendirian di atas menyamai pendapat Muḥammad 'Abd al-Ḥayy al-Laknawī (1264-1304H) yang menyebut bahawa bid'ah merupakan suatu tambahan atau pengurangan dalam agama Islam, yang berlaku selepas zaman para sahabat r.a. tanpa keizinan Allah SWT sama ada berbentuk perkataan, perbuatan, secara langsung atau tidak, dari aspek ibadat dan pegangan, dan bukannya adat.<sup>32</sup>

Manakala ulama Fiqh pula, meluaskan skop bid'ah bukan setakat amalan ibadat sahaja, tetapi juga persoalan adat. Ta'rif bid'ah menurut mereka ialah :

*"Bid'ah ialah cara yang diada-adakan di dalam agama yang dipandang menyamai syari'at. Mengerjakan amalan tersebut dikira seolah-olah mengerjakan agama itu sendiri."*<sup>33</sup>

Penelitian terhadap perbezaan definisi bid'ah yang diberikan oleh kedua-dua pendapat tersebut, menunjukkan bahawa walaupun mereka tidak sependapat dalam memberikan pengertian bid'ah dari segi syarak dan luas sempitnya skop bid'ah tersebut. Namun, apa yang jelas kedua-duanya bersependapat bahawa segala sesuatu yang tidak mempunyai sandaran dalil agama merupakan bid'ah.

Hasil pemerhatian ke atas beberapa definisi sunnah dari sudut istilah yang telah dinukilkan daripada kepelbagaian pendapat ulama berpaksikan disiplin

<sup>31</sup>*Ibid.*

<sup>32</sup>Muḥammad 'Abd al-Ḥayy al-Laknawī al-Hindī (1966), *Iqāmah al-Ḥujjah 'alā Ann al-Ikthār fī al-Ta'abbud laysa bi Bid'ah*. Ḥalab : Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, h. 22.

<sup>33</sup>Al-Syāṭibi, *loc cit.*

ilmu masing-masing, maka penulis lebih berkecenderungan memilih maksud sunnah dari sudut istilah berdasarkan dimensi ulama hadith untuk digunakan dalam kajian ini. Pemilihan ini dirasakan tepat memandangkan definisi sunnah yang diberikan oleh para ahli hadith ini lebih global dan menyeluruh serta bertepatan dengan skop kajian yang dijalankan penulis dalam tajuk ini.

Maksud bagi perkataan sunnah ini adalah sinonim dengan maksud perkataan hadith<sup>34</sup> menurut majoriti ulama hadith, sekalipun sebahagian di antara mereka membezakan di antara kedua-duanya.

Menurut sebahagian ulama hadith, perkataan hadith lebih luas skopnya kerana ia merujuk kepada keseluruhan perkataan, perbuatan, *taqdir* dan segala perkara berkaitan Rasulullah s.‘a.w., sedangkan sunnah hanya terhad kepada amalan praktikal yang bersumberkan daripada Rasulullah s.‘a.w.<sup>35</sup>

Penulis berpendapat bahawa sunnah adalah sama dengan hadith memandangkan pendirian ini adalah selari dengan nas-nas hadith dan pendapat-pendapat ulama. Rasulullah s.‘a.w. sendiri pernah menyebut di dalam suatu hadith baginda :

<sup>34</sup>Maksud hadith dari sudut bahasa antaranya ialah lawan bagi sesuatu yang lama, manakala dari sudut istilah ialah apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.‘a.w. sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat, sehingga segala pergerakan dan diam Rasulullah s.‘a.w. di dalam keadaan sedar atau tidur. Rujuk Syams al-Din Muhammad b. ‘Abd al-Rahmān al-Sakhāwī (1983), *Fatḥ al-Mughhīh Syarḥ Alfīyah al-Ḥadīth li al-‘Irāqī*, j. 1. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 10.

<sup>35</sup>Al-Nawawī, *op.cit.*, h.11., Ḥusaynī ‘Abd al-Mājid Ḥasyim, *op.cit.*, h. 25., Subḥi al-Sāliḥ (Dr.)(1959), *‘Ulām al-Ḥadīth wa Muṣṭalaḥih*, c. 12. Bayrūt : Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, h. 6. , al-Zarqa’, *op.cit.*,h. 63., al-Khaṭīb, *op.cit.*, h. 19., ‘Abd Allāh b. Aḥmad al-Nasafī (1986), *Kasyf al-Asrār Syarḥ Muṣannaf ‘alā al-Manār*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 3., Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān b. Abū Bakr al-Suyūṭī (1979), *Tadrīb al-Rāwī*, j. 1,c. 1. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 42., Abū Zakariyyā Yahyā b. Syaraf al-Nawawī al-Dimasyqī (t.t.), *al-Manḥal al-Rāwī min Taqrīb al-Nawawī*. Bayrūt : Mansyūrāt Dār al-Malal, h. 19.

عن مالك : أنه بلغه أن رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قال :  
تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما مسكتم بهما : كتاب الله وسنة  
نبيه".<sup>36</sup>

Maksudnya:

*Daripada Malik yang menceritakan bahawa :*  
*Sesungguhnya telah sampai kepada beliau bahawa Rasulullah s. 'a.w. bersabda : "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, yang jika kamu berpegang kepada kedua-duanya, kamu tidak akan tersesat, iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunnahku."*

Imam al-Suyūṭī (849-911H) dalam *Tadrīb al-Rāwī* pula ketika mendefinisikan perkataan hadith, beliau menyebut bahawa adanya kecenderungan pendapat ulama yang menyatakan bahawa orang yang pakar berkenaan sunnah dan juga hadith, disebut sebagai seorang *muhaddith*.<sup>37</sup>

## 2.3 Kedudukan Sunnah dalam Islam

Sunnah Rasulullah s. 'a.w. adalah segala perkara yang berkaitan dengan Rasulullah s. 'a.w. Justeru, kedudukan <sup>سنة</sup> sunnah dalam Islam seharusnya dilihat kepada kedudukan Rasulullah s. 'a.w. dalam Islam itu sendiri.

### 2.3.1 Kedudukan Rasulullah s. 'a.w. dalam al-Quran

Allah SWT, melalui al-Quran sebagai wahyuNya, telah menunjukkan secara jelas kedudukan Rasulullah s. 'a.w. dalam Islam.

<sup>36</sup>Mālik b. Anas (1981), *al-Muwattā'*. Kitāb al-Qadr (46), no. hadith 3, j. 2. Istanbul : Cagri Yayinlari, h. 899.

<sup>37</sup>Al-Suyūṭī, *op.cit.*, h. 42.

## 1. Rasulullah wajib ditaati

Hakikatnya, jika diteliti ayat-ayat al-Quran, akan terserlah kepada kita banyak nas al-Quran yang didatangkan dalam pelbagai bentuk, namun kesemuanya menjuruskan kepada kenyataan bahawa Rasulullah s.'a.w. wajib ditaati. Antaranya ialah :

## 2. Arahan supaya beriman kepada Rasulullah s.'a.w. dan mentaati baginda disertakan bersama dengan perintah supaya beriman dan mentaati Allah SWT.

Al-Quran sebagai kalam Allah SWT mengandungi banyak ayat yang menjuruskan kepada perintah beriman kepada Allah SWT yang disertakan bersama selepasnya perintah supaya beriman kepada Rasulullah s.'a.w. Ayat-ayat tersebut antaranya ialah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ  
فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ  
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا.

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman ! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) rasulNya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya."*

Surah Al-Nisā'(4) : 59

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَأَمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ  
الْحَقِّ الْأَمِيِّ الَّذِي يَوْمَنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ.

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad) : "Wahai sekalian manusia ! Sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semua, (diutus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang disembah dengan sebenar-benarnya) melainkan Dia; yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan rasulNya, nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimahNya, (kitab-kitabNya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh petunjuk."

Surah Al-A'rāf (7) : 158

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا آمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى  
رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلُ وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ  
وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا.

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman ! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan rasulNya, dan kepada kitab al-Quran yang telah diturunkan kepada rasulNya, (Muhammad s. 'a.w.), dan juga kepada kitab-kitab suci yang telah diturunkan terdahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan malaikat-malaikatNya, dan kitab-kitabNya, dan rasul-rasulNya, dan juga hari akhirat, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya."

Surah Al-Nisā' (4) : 136

3. Perintah supaya beriman kepada Rasulullah s.'a.w. disebut secara khusus; dengan disertai pengakuan bahwa mentaati Rasulullah s.'a.w. bererti mentaati Allah SWT.<sup>38</sup>

Penulis telahpun menyatakan bahawa perintah supaya mentaati Allah sering digandingkan bersama dengan arahan supaya Rasulullah s.'a.w. juga wajib ditaati. Walaubagaimanapun, terdapat juga firman Allah SWT yang menekankan supaya mentaati Rasulullah s.'a.w. tanpa digandingkan bersama dengan arahan mentaati Allah SWT.

Ini menunjukkan bahawa mentaati Rasulullah s.'a.w. adalah sama penting dengan mentaati Allah SWT. Antara ayat-ayat tersebut ialah :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَأَتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ  
وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ.

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad!) : "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu, serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Surah Āli 'Imrān (3):31

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّى يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا  
فِي أَلْفُسِهِمْ حَرَجًا مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya:

"Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad), mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka tidak pula merasa di

<sup>38</sup>Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Ismā'īl b. Ibrāhīm al-Bukhārī (1996), *Kitāb Raf' al-Yadayn fī al-Ṣalāh*, ditahqiq oleh Badī' al-Dīn al-Rāsyidī. Bayrūt : Dār Ibn Ḥazm, h. 21.

dalam hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.”

Surah Al-Nisā' ( 4 ) : 65

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّىٰ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ  
حَفِظًا.

Maksudnya:

“Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah, dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana kami tidak mengutuskan engkau untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan).”

Surah Al-Nisā' ( 4 ) : 80

Ayat-ayat al-Quran di atas menyebut supaya beriman dan taat kepada Rasulullah s.'a.w. secara khusus dengan tidak disertai dengan arahan beriman kepada Allah SWT. Ini menunjukkan bahawa arahan Rasulullah s.'a.w. sememangnya menjadi suatu kewajipan untuk ditaati.

4. **Firman Allah SWT yang membuktikan bahawa Rasulullah s.'a.w. berperanan menghurai dan menjelaskan al-Quran dengan huraian dan penjelasan yang diakui oleh Allah SWT.**

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِنْكُمْ يَتْلُو عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ  
وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ.

Maksudnya:

“(Nikmat berkiblatkan ka'bah yang kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat Kami) mengutuskan kepada kamu seorang rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat) dan yang mengajarkan kamu kandungan kitab



(al-Quran) serta hikmah kebijaksanaan dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui. ”

Surah al-Baqarah (2):151

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ.

Maksudnya:

“*Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatnya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya) dan membersihkan mereka (daripada iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka kitab Allah (al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.*”

Surah Ali ‘Imrān (3) : 164

Imam al-Syāfi‘ī (150-204H) di dalam *al-Risālah*, berpendapat bahawa maksud perkataan (الحكمة) di dalam kedua-dua ayat yang telah dinyatakan ialah sunnah Rasulullah s.‘a.w.<sup>39</sup>

5. **Rasulullah s.‘a.w. merupakan suatu ikutan yang baik,<sup>40</sup> yang wajib dicontohi oleh setiap muslim.**

Kenyataan ini digambarkan dalam firman Allah SWT berikut :

<sup>39</sup> Al-Syāfi‘ī, *op.cit.*, h. 78.

<sup>40</sup> Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān (Dr.)(1999), *op.cit.*, h. 35.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ  
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا.

Maksudnya:

*“Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan memperingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”*

Surah Al-Aḥzāb (33) :21

## 6. Rasulullah s.‘a.w. memiliki autoriti untuk membuat sesuatu arahan.

Hak dan kewibawaan Rasulullah s.‘a.w. dalam mengeluarkan sesuatu arahan tidak perlu dipertikaikan kerana ia telah diiktiraf oleh Allah SWT di dalam ayat al-Quran berikut :

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي  
التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ  
لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ  
وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَاَلَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ  
وَاتَّبَعُوا التَّوْرَ الَّذِي أَنْزَلَ مَعَهُ أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ.

Maksudnya:

*“(iaitu) orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.‘a.w.), nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik dan melarang mereka daripada mengerjakan perkara-perkara yang keji dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk dan dia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya(al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.”*

Surah Al-A‘rāf (7) : 15

### 2.3.2 Kedudukan Rasulullah s.'a.w. menurut hadith

Penulis telahpun menghuraikan kedudukan Rasulullah s.'a.w. menurut al-Quran yang menjadi suatu hujah kukuh bahawa sunnah wajib dipatuhi dan diamalkan. Selain daripada nas-nas al-Quran yang dinyatakan, terdapat juga hadith yang menyebut tentang wajibnya mentaati dan mengamalkan sunnah Rasulullah s.'a.w. Antaranya ialah :

#### Hadith Pertama :

قَالَ الْعُرْبَاضُ صَلَّى بِنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ  
ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَيْنَا فَوَعظَنَا مَوْعِظَةً بَلِيغَةً ذَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ وَوَجَلَّتْ  
مِنْهَا الْقُلُوبُ فَقَالَ قَائِلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَأَنَّ هَذِهِ مَوْعِظَةٌ مُودَعٌ  
فَمَاذَا تَعْهَدُ إِلَيْنَا فَقَالَ أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ  
عَبَدًا حَبَشِيًّا فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسِيرِي اخْتِلَافًا كَثِيرًا  
فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ تَمَسَّكُوا بِهَا  
وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ  
بِدْعَةٌ وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ.<sup>41</sup>

Maksudnya :

*Al-'Irbād* menyatakan bahawa : "Pada suatu hari kami telah bersolat bersama Rasulullah s.'a.w. Kemudian baginda telah menghadap kami, lalu memberikan suatu peringatan yang berkesan; yang boleh mengalirkan air mata dan menusuk hati. Maka seseorang berkata : "Wahai Rasulullah peringatan ini seolah-olah peringatan terakhir, maka apa yang engkau ingin pesankan kepada kami?". Maka Rasulullah s.'a.w. bersabda : "Aku berpesan kepada kalian untuk selalu bertakwa kepada Allah SWT serta patuh dan taat ( kepada pemimpin ), walaupun yang memimpin kalian adalah seorang hamba Habsyi. Sesiapa di antara kalian yang (masih diberi kesempatan) hidup sepeninggalanku, maka akan melihat

<sup>41</sup>Abū Dāwūd (1988), *op. cit.*, Kitāb al-Sunnah , no. hadith 4607, j. 4, h. 200.

banyak perselisihan pendapat. Maka ( dalam keadaan seperti itu ), berpegang teguhlah kepada Sunnahku dan Sunnah Khulafa' al-Rāsyidīn yang telah mendapat petunjuk. Tetaplah berpegang teguh kepadanya dan gigitlah dengan gigi gerahammu. Dan berhati-hatilah dengan segala persoalan ( agama ) yang moden; kerana setiap bentuk kemodenan (dalam agama) adalah bid'ah, dan setiap bid'ah adalah sesat. ”

## Hadith Kedua

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ دَعُونِي مَا تَرَكَكُمْ إِثْمًا هَلَّكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ بِسُؤَالِهِمْ وَاخْتِلَافِهِمْ عَلَيَّ أُنْبِيَائِهِمْ فَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ وَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ.<sup>42</sup>

Maksudnya :

Daripada Abu Hurayrah menyatakan bahawa Rasulullah s. 'a.w. bersabda : “Abaikanlah apa yang aku abaikan untuk kamu. Sesungguhnya umat sebelum kamu rosak kerana pertanyaan dan perselisihan mereka terhadap para nabi mereka. Maka apabila aku melarang kamu daripada melakukan sesuatu, maka tinggalkanlah dan apabila aku mengarahkan kamu sesuatu perkara, maka lakukanlah semampu mungkin.”

## 2.4 Peranan Sunnah

Sunnah mempunyai peranan dan fungsinya yang ideal dan tersendiri.

Antara peranannya ialah :

<sup>42</sup>Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl b. Ibrāhīm al-Bukhārī (1998), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-l'tiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, no. hadith 7288, j. 4. Maṣūrah : Maktabah al-Imān, h. 391.

## 2.4.1 Menyokong dan mengukuhkan kebenaran hukum-hakam yang terdapat dalam al-Quran.<sup>43</sup>

Dalam konteks ini, sunnah berfungsi mengulang dan mengiakan hukum-hakam yang telah dinyatakan oleh al-Quran semata-mata tanpa sebarang huraian atau penerangan.<sup>44</sup> Bagi mencapai objektif tersebut, sunnah akan turut mengarahkan apa yang disuruh oleh al-Quran, melarang apa yang dilarang oleh al-Quran dan menaaklumkan apa yang dikhabarkan sebelumnya oleh al-Quran.<sup>45</sup>

Secara tidak langsung, ia bertindak menyokong dan memperkuat lagi hukum-hakam tersebut. Dengan ungkapan lain, sunnah berperanan menerangkan ayat-ayat al-Quran untuk mengukuh dan menguatkan lagi makna ayat-ayat tersebut.

Contoh pernyataan ini ialah firman Allah SWT yang berbunyi :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرِهًا وَلَا  
تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَةٍ  
وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا  
وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا.

Maksudnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman ! Tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan dan janganlah-kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah*

<sup>43</sup>Muhammad Abū Zuhrah, *op. cit.*, h. 38., Khālid ‘Abd al-Rahmān al-‘Ak (1986), *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā’iduh*, c. 2. Bayrūt : Dār al-Nafā’is, h. 128., Kamāl ‘Iz al-Dīn (Dr.)(1984), *al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf min al-Wajhah al-Balāghiyah*. Bayrūt : Dār al-Iqrā’, h. 13., Ibrāhīm Muḥammad Salqīnī (Dr.)(1991), *al-Muyassar fī Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Bayrūt : Dār al-Fikr al-Mu’āṣir, h. 83., al-Qaradāwī, *op. cit.*,(1992), h. 12.

<sup>44</sup>*Ibid.*

<sup>45</sup>Muhammad Sulaymān al-Asyqar (Dr.)(1991), *Af’āl al-Rasūl wa Dalālatuhā ‘alā al-Aḥkām al-Syar’iyyah*, c. 3, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, h. 34.

berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu ) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasa) benci kepada mereka (disebabkan tingkah laku mereka, janganlah kamu terburu-buru menceraikan mereka), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebajikan yang baik (untuk kamu).”

Surah al-Nisā` (4): 19

Firman Allah SWT ini telah dikuatkan oleh hadith Rasulullah s.‘a.w.

berkaitan perkara tersebut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ  
 بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِي جَارَهُ وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا فَإِنَّهُنَّ  
 خُلِقْنَ مِنْ ضِلْعٍ وَإِنْ أَعْوَجَ شَيْءٌ فِي الضِّلْعِ أَغْلَاهُ فَإِنْ ذَهَبَتْ تَقِيمُهُ  
 كَسَرَتْهُ وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا.<sup>46</sup>

Maksudnya:

“Dari Abu Hurayrah bahawa Rasulullah s. ‘a.w. bersabda :”Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Kiamat janganlah menyakiti jirannya. Dan aku perintahkan kalian untuk menjaga perempuan kerana mereka diciptakan dari satu tulang rusuk dan bahagian yang paling melengkung adalah bahagian yang paling atas. Jika kamu berusaha meluruskannya, ia akan patah. Dan jika kamu membiarkannya, ia akan tetap bengkok. Maka aku perintahkan kepadamu untuk berkelakuan baik dengan perempuan.”

Contoh lain ialah firman Allah SWT dalam al-Quran berkaitan sifat zalim sebagaimana berikut :

وَكَذَلِكَ أَخْذُ رَبِّكَ إِذَا أَخَذَ الْقُرَىٰ وَهِيَ ظَالِمَةٌ إِنَّ أَخْذَهُ أَلِيمٌ شَدِيدٌ

Maksudnya:

<sup>46</sup>Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Ismā‘īl b. Ibrāhīm al-Bukhārī (1981), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Nikāḥ, no. hadith 114, j. 6. Istanbul : Cagri Yayinlari, h. 145.

*"Dan demikianlah azab Tuhanmu, apabila ia menimpa penduduk-penduduk negeri yang berlaku zalim. Sesungguhnya azabNya itu, tidak terperi sakitnya, lagi amat keras serangannya."*

Surah Hūd ( 11 ) : 102

Firman Allah SWT ini telah dikuatkan lagi oleh hadith Rasulullah s.'a.w.

yang berbunyi :

عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ لَيَمْلِكُ لِلظَّالِمِ حَتَّى إِذَا أَخَذَهُ لَمْ يُغْلَنَهُ قَالَ ثُمَّ قَرَأَ ( وَكَذَلِكَ أَخَذُ رَبِّكَ إِذَا أَخَذَ الْقُرَىٰ وَهِيَ ظَالِمَةٌ إِنَّ أَخَذَهُ أَلِيمٌ شَدِيدٌ )<sup>47</sup>.

Maksudnya:

*"Abu Musa r.a. menyatakan bahawa Rasulullah s.'a.w. telah bersabda : "Allah memberikan kelonggaran kepada orang zalim, tetapi ketika Dia mengazabnya, Dia tidak akan membebaskannya. Lalu baginda membaca : "Dan demikianlah azab Tuhanmu, apabila ia menimpa penduduk-penduduk negeri yang berlaku zalim. Sesungguhnya azabNya itu, tidak terperi sakitnya, lagi amat keras serangannya."*

Jika diperhatikan, sunnah di dalam contoh-contoh di atas, berfungsi sebagai penegas kepada arahan al-Quran. Ini menjadikan hukum-hukum tersebut disandarkan kepada dua sumber, al-Quran bertindak sebagai penetap hukum, manakala sunnah pula berfungsi sebagai penyokong kepada hukum tersebut.<sup>48</sup>

<sup>47</sup>*Ibid.*, Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, no. hadith 208, j. 5, h. 214.

<sup>48</sup>Khālid 'Abd al-Rahmān, *op. cit.*, h. 128.

#### 2.4.2 Mentafsir, menghurai dan menerangkan kehendak al-Quran.<sup>49</sup>

Para ulama memberikan definisi yang berbeza berkaitan maksud perkataan huraihan ( البيان ) dalam konteks ini. Ada yang berpendirian bahawa maksud huraihan ialah mengeluarkan sesuatu daripada keraguan kepada penjelasan. Imam al-Ghazālī dan kebanyakan jumur pula menyatakan bahawa maksud huraihan dalam konteks ini ialah petunjuk bagi sesuatu.<sup>50</sup>

Terdapat empat bentuk penerangan sunnah kepada al-Quran, iaitu :

- Menerangkan ayat-ayat yang *mujmal*,<sup>51</sup> dengan mendatangkan hadith yang menjelaskan hukum-hakam tertentu.

Ayat yang *mujmal* adalah merujuk kepada ayat yang mempunyai gaya bahasa atau lafaz yang menghalang seseorang *mujtahid* daripada memahami maksud sebenar ayat tersebut secara langsung tanpa adanya keterangan daripada Allah SWT dan RasulNya.<sup>52</sup>

Contoh ayat yang kelihatan *mujmal* ialah firman Allah SWT :

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

<sup>49</sup>Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Ibrāhīm al-Wazīr al-Yamanī (1979), *al-Rawḍ al-Basīm fī al-Dhibb 'an Sunnah Abī al-Qāsim*, j.1. Bayrūt : Dār al-Ma'rifah, h. 4., Muḥammad al-Sa'dī Farhūd (Dr.)(1970), *al-Ta'rīj bi al-Ḥadīth al-Syarīf*. Kaherah : Dār al-Tibā'ah al-Muḥammadiyyah, h. 13., Ibn Ḥamzah al-Dimasyqī (t.t.), *al-Bayān wa al-Ta'rīj fī Asbāb Wurūd al-Ḥadīth al-Syarīf*. Bayrūt : Dār al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, j. 1, Muqaddimah, h. 28., Maḥmūd Abū Rayyah (1963), *Aḥwāl 'alā al-Sunnah al-Muḥammadiyyah*, c.5. Iran : Muassasah Maṭbu'atay Ismā'īliyyān, h. 40.

<sup>50</sup>Al-Āmidī, *op.cit.*, h. 32.

<sup>51</sup>Muḥammad 'Abd al-Raḥīm Muḥammad (1992), *al-Tafsīr al-Nabawī : Khaṣā'isuh wa Maṣādiruh*. Kaherah : Maktabah al-Zahrā', h. 74.

<sup>52</sup>Faṭḥi al-Dārīnī (Dr.)(1985), *al-Manāḥij al-Uṣūliyyah fī al-Ijtihād bi al-Ra'y fī Tasyrī' al-Islāmī*, c. 2. Syria : al-Syarikah al-Muttaḥidah li al-Tawzī', h. 847., Khālid 'Abd al-Raḥmān, *loc. cit.*, al-Asyqar, *loc. cit.*



Maksudnya:

"Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang serta tunaikanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasulullah s. 'a.w. supaya kamu beroleh rahmat."

Surah al-Nūr (24): 56

Perkataaḥ (الصلاة) di dalam ayat di atas adalah dalam bentuk *mujmal*.

Justeru, tidak terdapat cara lain yang boleh menerangkan konsep solat melainkan daripada sunnah yang berfungsi menerangkan kaedah, waktu, syarat dan segala perkara yang berkaitan dengan solat. Justeru, Rasulullah s. 'a.w. telah menerangkan perkara-perkara tersebut melalui perbuatan dan sabda baginda :

حَدَّثَنَا مَالِكٌ أَتَيْتَا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَنَحْنُ شَبَابَةٌ مُتَقَارِبُونَ فَأَقَمْنَا عِنْدَهُ عِشْرِينَ يَوْمًا وَلَيْلَةً وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَحِيمًا رَفِيقًا فَلَمَّا ظَنَّ أَنَّا قَدْ اشْتَهَيْتَا أَهْلَنَا أَوْ قَدْ اشْتَقْنَا سَأَلَنَا عَمَّنْ تَرَكْنَا بَعْدَنَا فَأَخْبَرْتَاهُ قَالَ ارْجِعُوا إِلَى أَهْلِيكُمْ فَأَقِيمُوا فِيهِمْ وَعَلِّمُوهُمْ وَمُرُوهُمْ وَذَكَرْ أَسْيَاءَ أَحْفَظْهَا أَوْ لَا أَحْفَظْهَا وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أَصَلِّي فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَدِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ وَلْيُؤَمِّكُمْ أَكْبَرُكُمْ<sup>53</sup>.

Maksudnya :

"Malik memberitahukan kepada kami bahawa : "Kami datang di tempat Nabi s. 'a.w. dan di waktu itu kami masih muda, hampir sebaya sahaja usia kami. Kami berada di sisi Nabi s. 'a.w. selama dua puluh hari dua puluh malam. Rasulullah s. 'a.w. adalah seorang yang pengasih lagi penyayang. Ketika beliau menyangka bahawa kami telah berhasrat menemui keluarga kami dan telah merindui mereka, baginda lalu bertanya mengenai orang-orang yang kami tinggalkan sepeninggalan kami itu. Kamipun memberitahu kepada baginda sebagaimana mestinya. Kemudian baginda s. 'a.w. bersabda : "Kembali sahajalah anda sekalian untuk menemui keluarga anda sekalian. Tinggallah bersama-sama mereka, ajarilah mereka dan perintahkan pula mereka supaya mengerjakan solat. Yang meriwayatkan hadith ini menyebutkan beberapa persoalan dan ia berkata : "Ada yang aku ingat atau ada pula yang tidakku ingat lagi". Selanjutnya ia meneruskan apa yang

<sup>53</sup> Al-Bukhārī (1981), *op.cit.*, Kitāb al-Adhān, no. hadith 604, j. 1, h. 155., Kitāb al-Adab, no. hadith 37, j. 7, h. 77., Kitāb Akhbār al-Aḥād, j. 8, h. 133.

disabdakan oleh Nabi s. 'a.w. : "Bersembahyanglah anda sekalian sebagaimana anda sekalian melihat aku di waktu aku sembahyang. Juga apabila waktu solat telah tiba, hendaklah seseorang di antara anda sekalian itu ada yang berazan dan hendaknyanya pula orang yang tertua usianya yang menjadi imam untuk anda sekalian."

ۛ

- Mengikat ( menjadikan *muqayyad*) ayat-ayat al-Quran yang mutlak

Maksud mutlak ialah suatu lafaz yang menunjukkan keseluruhan jenis sesuatu perkara tanpa wujudnya sebarang batasan atau had tertentu.<sup>54</sup>

*Muqayyad* pula merupakan suatu lafaz yang menunjukkan suatu kategori yang dikeluarkan daripada bentuk mutlak. Ia mempunyai salah satu daripada dua kriteria, sama ada ia merupakan suatu lafaz yang menunjukkan suatu ciri-ciri tertentu atau ia merupakan suatu tambahan kepada lafaz yang berbentuk mutlak tadi.<sup>55</sup>

Contoh bagi maksud ini dapat dilihat daripada sunnah berikut :

عَنْ غَامِرِ بْنِ سَعْدٍ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ قَالَ مَرَضْتُ فَعَادَنِي  
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ اذْغِ اللَّهُ أَنْ لَا  
يُرِدُّنِي عَلَى عَقْبِي قَالَ لَعَلَّ اللَّهَ يَرْفَعُكَ وَيَنْفَعُ بِكَ نَاسًا قُلْتُ أُرِيدُ  
أَنْ أُوصِيَ وَإِنَّمَا لِي ابْنَةٌ قُلْتُ أُوصِي بِالتَّصَفِّ قَالَ التَّصَفُّ كَثِيرٌ  
قُلْتُ فَالتُّلُثُ قَالَ التُّلُثُ وَالتُّلُثُ كَثِيرٌ أَوْ كَبِيرٌ قَالَ فَأَوْصَى النَّاسُ  
بِالتُّلُثِ وَجَازَ ذَلِكَ لَهُمْ.<sup>56</sup>

Maksudnya:

"Daripada 'Amir bin Sa'd dari ayah beliau r.a. yang menyatakan bahawa : "Aku sakit, lalu Rasulullah s. 'a.w.

<sup>54</sup> Al-Anṣārī, *op. cit.*, h. 82.

<sup>55</sup> Al-Āmidī, *op. cit.*, h. 3.

<sup>56</sup> Al-Bukhārī (1981), *op. cit.*, Kitāb al-Waṣāyā, no. hadith 7, j. 3, h. 187.

menjengukku, maka aku berkata : "Wahai Rasulullah, doakanlah aku kepada Allah supaya Dia tidak mengembalikan aku kepada anak cucuku." (tidak suka meninggal dunia di tanah airku di Mekah). Baginda bersabda : "Semoga Allah menyembuhkan kamu dan memberi manfaat kepada orang-orang lain (kaum muslimin) sebab kamu." Aku berkata : "Aku hendak berwasiat dan aku hanya mempunyai seorang anak perempuan." Aku berkata : "Aku berwasiat dengan separuh." Baginda bersabda : "Separuh itu banyak." Aku berkata : "Sepertiga ?." Baginda bersabda : "Sepertiga ; sepertiga itu banyak" - atau besar- . Kata perawi hadits : "Maka orang-orang lainpun berwasiat dengan sepertiga dan perkara tersebut dibolehkan bagi mereka. "

Hadith di atas tadi merupakan suatu *muqayyad* kepada firman Allah SWT :

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ  
لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ.

Maksudnya:

"Kamu diwajibkan apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika dia meninggalkan harta, (hendaklah dia) membuat wasiat untuk ibubapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa."

Surah al-Baqarah (2): 180

- **Mengkhususkan ayat-ayat al-Quran yang umum.**

Maksud umum di sini ialah sesuatu lafaz yang mengandungi semua perkara yang merupakan sebahagian daripada perkara tersebut.<sup>57</sup> Khusus pula

<sup>57</sup>Maḥmūd b. Abū Bakr al-Armawī (1988), *al-Taḥṣīl min al-Māḥṣil*, j. I. Bayrūt : Muassasah al-Risālah, h. 343.

merupakan dalil atau hukum yang dipalingkan dari lafaz umum tadi. Ini menjadikan perkara yang dikhususkan terkeluar daripada maksud umum.<sup>58</sup>

Contoh ayat al-Quran yang bersifat umum ialah firman Allah SWT :

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ مِثْلِ الْأُنثَيَيْنِ.

Maksudnya:

*"Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan...."*

Surah al-Nisā' (4): 11

Hukum pusaka tersebut adalah berbentuk umum kepada setiap ayah yang akan mewariskan harta kepada anak-anaknya. Maka sunnah telah diriwayatkan, bertujuan untuk mengkhususkan bahawa golongan yang mewarisi harta adalah tidak terdiri daripada para nabi, melalui sabda Rasulullah s. 'a.w. :

عَنْ مَالِكِ بْنِ أَوْسِ بْنِ الْحَدَثَانَ قَالَ أُرْسِلَ إِلَيَّ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ فَذَكَرَ الْحَدِيثَ فَقُلْتُ لَكَمَا إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَوْرَثُ مَا تَرَكَنَا صَدَقَةً.<sup>59</sup>

Maksudnya:

*"Daripada Mālik bin 'Aus bin al-Ḥadthān yang menyatakan bahawa dikirinkan kepadaku oleh 'Umar r.a. maka dia telah menyebut hadith. Maka, aku mengatakan kepada kedua-dua kamu bahawa Rasulullah menyatakan bahawa kami tidak mewarisi apa yang telah ditinggalkan sebagai suatu sedekah."*

<sup>58</sup>Fakhr al-Dīn Muḥammad b. 'Umar b. al-Husayn al-Rāzī (1992), *al-Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh*, j. 3, c. 2. Bayrūt : Muassasah al-Risālah, h. 7.

<sup>59</sup>Aḥmad b. Ḥanbal (1991), *Musnad Aḥmad*. Musnad 'Umar al-Khaṭṭāb, no. hadith 333, j. 1, Kaḥerah : Dār al-Fikr, h. 107.

Sunnah juga turut menyatakan bahawa terdapat pengecualian dalam pewarisan harta kepada orang yang terlibat dalam kes pembunuhan, melalui sabda Rasulullah s.'a.w. :

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ  
حُمَيْدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ قَالَ الْقَاتِلُ لَا يَرِثُ.<sup>60</sup>

Maksudnya:

*"Diceritakan kepada kami oleh Qutaybah dari al-Layth bin Sa'd dari Ishāq bin 'Abd Allāh dari al-Zuhri dari Ḥumayd bin 'Abd al-Raḥmān dari Abū Hurayrah bahawa Rasulullah s.'a.w. bersabda bahawa orang yang membunuh tidak boleh mewarisi harta."*

Pengecualian terhadap pewarisan harta tersebut juga melibatkan orang yang bukan beragama Islam :

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
قَالَ لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ.<sup>61</sup>

Maksudnya:

*"Daripada Usāmah bin Zayd r.a. bahawa Nabi s.'a.w. bersabda : "Orang-orang kafir tidak boleh mewarisi harta orang-orang Islam dan orang-orang Islam tidak boleh mewarisi harta orang-orang kafir."*

<sup>60</sup>Abū 'Isā Muḥammad b. 'Isā b. Sawrah (1994), *Sunan al-Tirmidhī*. Kitāb al-Farā'id, no. hadith 2116, j. 4, Bayrūt : Dār al-Fikr, h. 36.

<sup>61</sup>Al-Bukhārī (1981), *op. cit.*, Kitāb al-Farā'id, no. hadith 756, j. 8, h. 11.

- **Menjelaskan kesamaran atau kekeliruan dalam memahami ayat-ayat al-Quran.**

Maksud kesamaran atau kekeliruan dalam konteks ini, ialah sesuatu lafaz ayat al-Quran yang mempunyai petunjuk yang terselindung dalam usaha memahami maksud sebenar ayat tersebut.<sup>62</sup>

Kesamaran akan wujud disebabkan adanya kekeliruan dalam memahami nas-nas al-Quran yang mengandungi dua perkara yang kontra sedangkan di tengah-tengahnya terdapat perantaraan yang menyukarkan *mujtahid* untuk mengaitkan di antara kedua-duanya.

Kondisi ini menyebabkan mereka mengambil sikap mendiamkan diri daripada mengeluarkan sebarang ijtihad, jauh sekali untuk mempertikaikannya sebagai tanda menyerahikan perkara tersebut kepada Allah SWT. Maka sunnah datang sebagai penyelamat dengan menetapkan suatu perantaraan di antara kedua-dua hukum atau mengharmonikan kedua-dua hukum tersebut.<sup>63</sup>

Contoh ayat yang mengandungi kesamaran ialah :

وَلَقَدْ آتَيْنَاكَ سَبْعًا مِّنَ الْمَثَانِي وَالْقُرْآنَ الْعَظِيمَ.

Maksudnya:

*"Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepadamu (wahai Muhammad) tujuh ayat yang diulang-ulang bacaannya dan seluruh al-Quran yang amat besar kemuliaan dan faedahnyanya."*

Surah al-Hijr (15): 87

<sup>62</sup>Al-Dārini, *op. cit.*, h. 87.

<sup>63</sup>Kamāl 'Iz al-Dīn, *op. cit.*, h. 16.

Rasulullah s. 'a.w. telah mendatangkan suatu hadith yang menerangkan kekeliruan yang timbul pada perkataan ( السبع المثاني ) melalui sabda baginda :

عَنْ أَبِي سَعِيدِ بْنِ الْمُعَلَّى قَالَ كُنْتُ أُصَلِّي فِي الْمَسْجِدِ فَدَعَانِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ أُجِبْهُ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي كُنْتُ أُصَلِّي فَقَالَ أَلَمْ يَقُلِ اللَّهُ ( اسْتَجِيبُوا لِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحْيِيكُمْ ) ثُمَّ قَالَ لِي لَأَعْلَمَنَّكَ سُورَةً هِيَ أَعْظَمُ السُّورِ فِي الْقُرْآنِ قَبْلَ أَنْ تَخْرُجَ مِنَ الْمَسْجِدِ ثُمَّ أَخَذَ بِيَدِي فَلَمَّا أَرَادَ أَنْ يَخْرُجَ قُلْتُ لَهُ أَلَمْ تَقُلْ لَأَعْلَمَنَّكَ سُورَةً هِيَ أَعْظَمُ سُورَةٍ فِي الْقُرْآنِ قَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ هِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُوتِيَهُ.<sup>64</sup>

Maksudnya:

"Daripada Abu Sa'īd bin al-Mu'allā r.a. menyebut :  
"Ketika aku sedang mengerjakan solat di dalam masjid, Rasulullah s. 'a.w. memanggilku tetapi aku tidak menjawab panggilan baginda. Kemudian (setelah aku selesai mengerjakan solat) aku berkata : "Wahai Rasulullah! Aku (tadi) tengah mengerjakan solat." Nabi s. 'a.w. bersabda : "Bukankah Allah berfirman : "Jawablah seruan Allah dan RasulNya ketikamana kedua-duanya memanggilmu ?." Kemudian Nabi s. 'a.w. bersabda : "Sebelum kamu tinggalkan masjid, akanku ajarkan kepadamu surah yang terbesar dalam al-Quran." Kemudian Nabi s. 'a.w. bersaba : "Segala puji bagi Allah, Tuhan alam semesta (Surah al-Fatihah) : iaitu yang di dalamnya terdapat (tujuh ayat yang dibaca berulang-ulang) dan seluruh al-Quran yang besar yang diwahyukan kepadaku."

#### 2.4.3 Mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan oleh al-Quran.<sup>65</sup>

Sunnah juga turut mengadakan hukum-hakam tambahan yang tidak disebut oleh ayat-ayat al-Quran sama ada ia dibolehkan atau dilarang.

<sup>64</sup>Al-Bukhārī (1981), *op. cit.*, Kitāb al-Tafsīr, no. hadith 1, j. 6, h. 146., Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, no. hadith 528, j. 6, h. 103.

<sup>65</sup>Al-Sibā'ī, *op. cit.*, h. 415.

Contoh sunnah yang termasuk dalam kategori ini ialah hadith-hadith yang menetapkan hukum tentang hudud bagi peminum arak, hukum rejam bagi orang berzina, pengharaman memakai sutera dan cincin emas bagi orang lelaki, pusaka datuk dan lain-lain lagi dalam pelbagai aspek kehidupan.

;

Ulama berselisih pendapat tentang peranan sunnah yang ketiga ini. Imam al-Syāfi'ī r.a. sebagai contoh, menyatakan di dalam *al-Risālah* pertikaian pandangan ulama berkaitan keabsahan sunnah untuk mengeluarkan hukum yang tidak terdapat dalam al-Quran. Satu golongan membolehkan, beralaskan Rasulullah s. 'a.w. telah diberikan keizinan oleh Allah SWT untuk mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan dalam al-Quran.<sup>66</sup> Segolongan yang lain pula, berpendirian bahawa sunnah tidak boleh mengeluarkan sebarang hukumpun, kecuali ia mempunyai asas yang kukuh dalam al-Quran.<sup>67</sup>

Justeru, berdasarkan apa yang telah dinyatakan oleh Imam al-Syāfi'ī r.a. tersebut, penulis menyokong pendapat yang menyatakan bahawa sunnah memiliki autoriti untuk menyatakan hukum-hakam tambahan yang tidak dinyatakan oleh al-Quran. Ia adalah selari dengan pendirian tokoh-tokoh ulama mu'tabar seperti Imām al-Syāfi'ī<sup>68</sup> sendiri dan al-Syāṭibi<sup>69</sup> yang berpandangan bahawa harus bagi sunnah untuk mengadakan sebarang hukum-hakam tambahan yang tidak terdapat dalam al-Quran.

---

<sup>66</sup> Muḥammad b. Idrīs al-Syāfi'ī (t.t.), *al-Risālah*, j. 1. Bayrūt : al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 92.

<sup>67</sup> *Ibid.*

<sup>68</sup> *Ibid.*, h. 104.

<sup>69</sup> Al-Syāṭibi (t.t.), *op.cit.*, j. 4, h. 21.



Ulama telah membahagikan penyebutan sunnah tentang hukum-hakam yang berasingan daripada al-Quran kepada dua jenis, iaitu: <sup>70</sup>

- a) **Hukum yang boleh dirujuk kepada al-Quran berdasarkan konsep qiyas, atau ia merupakan suatu bentuk “المقاصد العامة” yang digalakkan oleh al-Quran.**

Contoh bagi konsep qiyas ialah firman Allah SWT berkaitan tujuh golongan yang diharamkan kahwin disebabkan adanya pertalian keturunan dan dua golongan yang disebabkan penyusuan. <sup>71</sup>

Justeru sunnah telah diriwayatkan melalui sabda Rasulullah s. 'a.w. :

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بِنْتِ حَمْزَةَ لَا تَحِلُّ لِي يَحْرُمُ مِنَ الرَّضَاعِ مَا يَحْرُمُ مِنَ التَّسْبِ هِيَ بِنْتُ أُخْتِي مِنَ الرَّضَاعَةِ <sup>72</sup>

Maksudnya:

*“Ibn ‘Abbās menceritakan bahawa Rasulullah s. 'a.w. bersabda mengenai anak perempuan Ḥamzah : “Dia tidak halal untuk saya. Haram kerana sesusuan sama dengan haram kerana seketurunan. Dan ia adalah anak dari saudaraku sesusuan.”*

<sup>70</sup> Al-Asyqar, *op. cit.*, h. 35.

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> Al-Bukhārī (1981), *op. cit.*, Kitāb al-Syāhādāt, no. hadith 813, j. 3, h. 149., Kitāb al-Nikāh, no. hadith 36, j. 6, h. 125.

Manakala sunnah dalam bentuk “المقاصد العامة”<sup>73</sup> ialah keharusan

menyapu dua *khuf*, yang merupakan suatu keringanan daripada syarak untuk mengelakkan kesulitan yang telah termaktub dalam al-Quran.<sup>74</sup>

؛

b) **Kategori hukum yang boleh dirujuk kepada al-Quran, yang menganjurkan supaya mengamalkan sunnah.**

Contohnya adalah sebagaimana yang diriwayatkan di dalam hadith berikut :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ لَعَنَ اللَّهُ الْوَأْشِمَاتِ وَالْمُوتَشِمَاتِ وَالْمُتَمَتِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغْيِرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ فَبَلَغَ ذَلِكَ امْرَأَةً مِنْ بَنِي أَسَدٍ يُقَالُ لَهَا أُمُّ يَعْقُوبَ فَبَجَاءَتْ فَقَالَتْ إِنَّهُ بَلَغَنِي عَنْكَ أَلَّا لَعْنَتُ كَيْتٍ وَكَيْتٍ فَقَالَ وَمَا لِي أَلْعَنُ مَنْ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَنْ هُوَ فِي كِتَابِ اللَّهِ فَقَالَتْ لَقَدْ قَرَأْتُ مَا بَيْنَ اللُّوحَيْنِ فَمَا وَجَدْتُ فِيهِ مَا تَقُولُ قَالَ لَيْنُ كُنْتُ قَرَأْتِهِ لَقَدْ وَجَدْتِهِ أَمَا قَرَأْتُ ( وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا ) قَالَتْ بَلَى قَالَ فَإِنَّهُ قَدْ نَهَى عَنْهُ قَالَتْ فَإِنِّي أَرَى أَهْلَكَ يَفْعَلُونَهُ قَالَ فَأَذْهَبِي فَأَنْظِرِي فَذَهَبَتْ فَتَنْظَرَتْ فَلَمْ تَرَ مِنْ حَاجَتِهَا شَيْئًا فَقَالَ لَوْ كَانَتْ كَذَلِكَ مَا جَامَعْتَهَا.<sup>75</sup>

Maksudnya:

“Daripada ‘Abd Allāh yang menyebut bahawa : “Allah SWT melaknat orang yang bertatu dan membuat tatu, orang yang mencukur atau mencabut bulu kening dan orang yang melakukan pembedahan kerana ingin kelihatan cantik. Mereka semua merupakan orang yang

<sup>73</sup> المقاصد العامة ialah objektif-objektif dan hikmah-hikmah tertentu semua atau kebanyakan hukum yang telah digariskan oleh syara’. Rujuk Qutub Muṣṭaffā Sānū (Dr.)(2000), *Mu’jam Muṣṭalahū Uṣūl al-Fiqh*. Bayrūt : Dār al-Fikr al-Mu’āṣir, h. 433.

<sup>74</sup> Al-Asyqar, *loc. cit.*

<sup>75</sup> Al-Bukhārī (1981), *op. cit.*, Kitāb Tafsīr al-Qur’ān, no. hadith. 408 dan 409, j. 6, h. 58-59.

mengubah kejadian Allah SWT." Maka hadits tersebut telah didengari oleh seorang perempuan Bani 'Asad, dikenali sebagai Ummu Ya'qūb yang ketika itu berada di rumahnya, sedang membaca al-Quran. Maka perempuan tersebut menemui beliau dan berkata : "Telah sampai kepadaku bahawa engkau telah berkata sesuatu yang tidak betul." Jawab 'Abd Allāh: "Takkanlah aku tidak menjerca orang yang dilaknat oleh Rasulullah s.'a.w., sedangkan ia terdapat dalam kitab Allah SWT!. Perempuan tersebut menjawab : "Sesungguhnya aku telah membaca lembaran-lembaran al-Quran ini, tetapi aku tidakpun menjumpainya." Maka 'Abd Allāh menjawab : "Sekiranya kamu telah membaca ayat-ayat al-Quran, maka kamu akan mendapati ada ayat yang kamu baca berbunyi ( وما أتاكم الرسول فاتتهوا )". Perempuan tersebut menjawab : "Memang aku menjumpainya." Jawab 'Abd Allāh : "Maka sesungguhnya Rasulullah s.'a.w. melarang daripada melakukan perkara tersebut." Maka perempuan tersebut berkata : "Sesungguhnya aku melihat kaum 'Ahlak telah melakukan perkara tersebut." 'Abd Allāh menjawab : "Maka pergi dan pastikanlah." Maka perempuan tersebut pergi dan memastikan perkara tersebut, tetapi ia tidak berlaku, lalu 'Abd Allāh berkata : "Jika betullah perkara tersebut, saya tidak menyenangnya."

Hadith di atas menyatakan bahawa pengharaman memakai tatu, mencukur bulu kening dan sebagainya yang termasuk dalam mengubah ciptaan Allah SWT merupakan suatu perkara yang dilaknat oleh Allah SWT, berdasarkan maklumat daripada Rasulullah s.'a.w.

#### 2.4.4 Menghapuskan atau membatalkan hukum yang telah ditetapkan oleh al-Quran.

Perkataan (النسخ) pada asalnya memberi maksud pembatalan sesuatu perkara yang telah ada dengan kedatangan sesuatu perkara baru yang lain untuk menggantikan tempatnya.<sup>76</sup>

Kaedah penghapusan hukum ini juga, sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Ghazālī merupakan suatu ungkapan yang menunjukkan adanya pembatalan hukum yang telah ditetapkan sebelum ini dengan cara dibawakan hukum terkini. Sekiranya hukum yang baru tidak didatangkan, bermakna hukum dahulu akan terus digunapakai.<sup>77</sup>

Ulama berselisih pendapat tentang keharusan sunnah untuk memansuhkan hukum yang telah ditetapkan oleh al-Quran.<sup>78</sup> Majoriti ulama ilmu kalam dan para *fuqaha'* Mazhab Māliki dan Ḥanafī berpendapat bahawa hukum-hukum al-Quran boleh dimansuhkan oleh sunnah,<sup>79</sup> manakala terdapat juga di kalangan ulama seperti Imām Aḥmad bin Ḥanbal,<sup>80</sup> Imām al-Syāfi'<sup>81</sup> serta kebanyakan golongan

<sup>76</sup> Abū al-Ḥusayn Aḥmad b. Fāris b. Zakariyyā al-Rāzī (1983), *Ḥilyah al-Fuqahā'*. Bayrūt : al-Syārikah al-Muttaḥidah li al-Tawzī', h. 26.

<sup>77</sup> Abū Ḥamid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (1994), *al-Mustaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl*, j.1. Bayrūt : Dār al-Arḥam bin Abī al-Arḥam li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 317. -

<sup>78</sup> Maṣṣūr b. Muḥammad b. 'Abd al-Jabbār al-Sam'ānī (1997), *Qawā'ī' al-Adillah fī al-Uṣūl*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 450., Abū Zayd 'Ubayd Allāh b. 'Umar bin 'Isā al-Dābūsi (2001), *Taqwīm al-Adillah fī Uṣūl al-Fiqh*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 239.

<sup>79</sup> Al-Āmidī, *op.cit.*, h. 217., Abū Muḥammad 'Alī b. Ḥazm al-Andalusī (t.t.), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, j. 1. Kaherah : Maṭba'ah al-'Āṣimah, h. 477., 'Abbās Mutawallī Ḥammādah, *op.cit.*, h. 173.

<sup>80</sup> Al-Āmidī, *loc. cit.*, Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah al-Maqdisī (t.t.), *Rawḍah al-Nāẓir wa Jannah al-Manāẓir*, j.1. Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, h. 224.

<sup>81</sup> Al-Syāfi', *op.cit.*, h. 106.

yang sependapat dengan beliau dan Dr. Yūṣuf al-Qaraḍāwī<sup>82</sup> yang berpendirian bahawa sunnah tidak harus memansuhkan hukum yang telah termaktub dalam al-Quran.

Contoh ayat al-Quran yang dimansuhkan oleh sunnah ialah firman Allah

SWT berkenaan wasiat :

كُتِبَ عَلَيْكُمُ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ  
لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ.

Maksudnya:

*"Kamu diwajibkan apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika dia meninggalkan harta, (hendaklah dia) membuat wasiat untuk ibubapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa."*

Surah al-Baqarah (2): 180

Ayat al-Quran ini telah dimansuhkan oleh hadith berikut :

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ كَانَ الْمَالُ لِلْوَالِدِ وَكَانَتْ  
الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ فَسَخَّ اللَّهُ مِنْ ذَلِكَ مَا أَحَبَّ فَجَعَلَ لِلذَّكَرِ مِثْلَ  
حِطِّ الْأُنثِيَيْنِ وَجَعَلَ لِلْأَبَوَيْنِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا السُّدُسَ وَجَعَلَ  
لِلْمَرْأَةِ الثَّمَنَ وَالرَّبْعَ وَاللِّزْوَاجَ الشُّطْرَ وَالرَّبْعَ.<sup>83</sup>

Maksudnya:

*"Daripada Ibn 'Abbās r.a. menyebut bahawa harta pada awalnya dikhususkan kepada anak-anak manakala wasiat adalah untuk kedua ibubapa. Maka Allah telah menghapuskan ayat tersebut berdasarkan kehendakNya, maka Dia telah menjadikan peruntukan untuk anak-anak lelaki adalah sama dengan dua bahagian anak-anak perempuan. Dia juga telah menjadikan hak kedua-dua*

<sup>82</sup>Yūṣuf al-Qaraḍāwī(Dr.)(1992), *al-Marjī'iyah al-'Ulyā fī al-Islām li al-Qur'ān wa al-Sunnah*.  
Kaheerah : Maktabah Wahbah, h. 105.

<sup>83</sup>Al-Bukhārī (1981), *op. cit.*, Kitāb al-Waṣāyā, no. hadith 16, j. 3, h. 188.

*ibubapa masing-masing satu perenam. Dia juga telah memperuntukkan satu perlapan suku bagi orang perempuan, manakala untuk pasangan suami atau isteri, ialah sepertiga daripada separuh."*

## 2.5 Pengamalan Sunnah

;

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh penulis, sunnah merupakan sumber kedua perundangan Islam selepas al-Quran. Al-Quran, sebagai kalam Allah wajib diamalkan. Justeru, begitu juga dengan sunnah. Tambahan pula, keimanan kepada Rasulullah s. 'a.w. dan sikap iltizam kepada syari'ah hendaklah dibuktikan dengan mengamalkan segala sunnah baginda.<sup>84</sup>

Seterusnya, penulis akan meneruskan perbincangan dengan menyoroti pengamalan sunnah yang berlaku di zaman Rasulullah s. 'a.w., sahabat dan tabi'in. Aspek pengamalan sunnah hanya ditumpukan kepada tiga zaman tersebut sahaja.

Penulis ingin menegaskan bahawa penekanan terhadap aspek pengamalan sunnah hanya diberikan kepada tiga zaman sahaja; iaitu zaman Rasulullah s. 'a.w., sahabat dan tabi'in, bukanlah bermaksud menafikan bahawa umat-umat selepas mereka tidak mengamalkan sunnah. Penulis hanya bertujuan untuk menjadikan mereka sebagai suatu model terbaik bagaimana teguhnya pendirian para *salaf al-ṣāliḥ* dalam mengamalkan sunnah Rasulullah s. 'a.w.

---

<sup>84</sup> Abd Allāh b. Muḥammad al-Qarnī (1992), *Ḍawābiṭ al-Takfīr 'Ind Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Bayrūt : Muassasah al-Risālah, h. 45.

Tambahan pula, mereka termasuk dalam kalangan orang-orang yang diakui dan diiktiraf sebagai umat yang menduduki kurun-kurun terbaik sebagaimana yang dijelaskan melalui sabda Rasulullah s.‘a.w. :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ  
خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ يَجِيءُ مِنْ  
بَعْدِهِمْ قَوْمٌ تَسْبِقُ شَهَادَتُهُمْ أَيْمَانُهُمْ وَأَيْمَانُهُمْ شَهَادَتُهُمْ .<sup>85</sup>

Maksudnya :

*"Daripada 'Abd Allāh r.a. menyatakan bahawa nabi Muhammad s. 'a.w. telah bersabda : "Sebaik-baik manusia ialah (yang hidup) di kurunku (di zaman Nabi s. 'a.w. dan sahabat baginda), kemudian mereka yang datang sesudahnya (zaman tabi'in) kemudian di zaman mereka yang datang sesudah mereka itu (zaman tābi' al-tābi'in) Kemudian datang sesudah itu beberapa kaum yang kesaksian mereka mendahului sumpah mereka dan sumpah mereka mendahului kesaksian mereka."*

### 2.5.1 Zaman Rasulullah s.‘a.w.

Zaman Rasulullah s.‘a.w. merupakan zaman keemasan pengamalan sunnah. Sesuai dengan jaminan Allah SWT bahawa Rasulullah s.‘a.w. merupakan ikutan terbaik dalam semua lapangan kehidupan, menjadikan baginda semasa hidupnya sebagai suatu contoh terulung kepada para sahabat untuk diikuti.

Sepanjang hidup, baginda memainkan peranan terbaik sebagai pengajar, hakim, mufti dan pemimpin. Segala hal yang berkaitan dengan umat Islam; kecil ataupun besar dan segala yang menyangkut peribadi dan jemaah dalam pelbagai

<sup>85</sup>Al-Bukhārī (1998 ), *op. cit.*, Kitāb Faḍā'il Aṣḥāb al-Nabī, Bāb Faḍā'il Aṣḥāb al-Nabī, no. hadith 3651, j.2, h. 426., Kitāb al-Riḥāq, no. hadith 6425, j.4, h. 180.

lapangan kehidupan yang tidak disebut dalam al-Quran, sunnah Rasulullah s.'a.w. menjadi pengganti utama.

Rasulullah s.'a.w. dijadikan sebagai tempat rujukan utama para sahabat dalam menerangkan hukum-hukum al-Quran, menghuraikan kekusutan, menyelesaikan permasalahan dan apa sahaja berkaitan seluruh kehidupan. Para sahabat menganggap apa sahaja perkataan, perbuatan dan *taqirir* baginda adalah suatu perkara yang perlu diikuti.<sup>86</sup> Setiap perkara dirujuk kepada Rasulullah s.'a.w. Kesempatan bersama Rasulullah s.'a.w. dimanfaatkan sepenuhnya.

Kemuncak daripada kepatuhan para sahabat yang tidak berbelah bahagi dalam mengikuti segala sunnah Rasulullah s.'a.w., dapat dilihat bilamana mereka sanggup mengamalkan sunnah Rasulullah s.'a.w. dalam semua keadaan sama ada mereka mengetahui alasan sunnah tersebut harus dilakukan atau tidak, tanpa mengetahui sebab, punca atau hikmah di sebalik perkara tersebut.<sup>87</sup>

Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui hadith berikut :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ اتَّخَذَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَاتَمًا مِنْ ذَهَبٍ فَاتَّخَذَ النَّاسُ خَوَاتِيمَ مِنْ ذَهَبٍ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنِّي اتَّخَذْتُ خَاتَمًا مِنْ ذَهَبٍ فَنَبَذَهُ وَقَالَ  
إِنِّي لَنْ أَلْبَسَهُ أَبَدًا فَنَبَذَ النَّاسُ خَوَاتِيمَهُمْ.<sup>88</sup>

Maksudnya:

"Daripada Ibn 'Umar r.a. yang menceritakan bahawa :  
"Rasulullah s.'a.w. telah memakai cincin yang diperbuat

<sup>86</sup> Abd al-Ghani 'Abd al-Khāliq, *op.cit.*, h. 284.

<sup>87</sup> Al-Khaṭīb, *op.cit.*, h. 85., al-Sibā'i, *op.cit.*, h. 71.

<sup>88</sup> Al-Bukhārī (1998 ), *op. cit.*, Kitāb al-I'tisām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, no. hadith 2698, j.4, h. 393.



daripada emas. Maka, orang ramai turut memakai cincin-cincin yang diperbuat daripada emas. Kemudian Rasulullah s. 'a.w. bersabda : "Sesungguhnya aku sebelum ini telah memakai cincin daripada emas, lalu baginda s. 'a.w. telah menanggalkannya, seterusnya bersabda : "Sesungguhnya, aku tidak akan memakainya selamalamanya." Justeru, orang ramai juga turut menanggalkan cincin-cincin mereka."

Kepatuhan para sahabat terhadap arahan Rasulullah s. 'a.w. sampai ke tahap melakukan arahan baginda dalam urusan berkaitan dunia. Hal ini dapat dilihat melalui hadith berikut :

حَدَّثَنَا أَبُو التَّجَاشِيِّ حَدَّثَنِي رَافِعُ بْنُ خَدِيجٍ قَالَ قَدِمَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ وَهُمْ يَأْتُرُونَ التَّخْلَ يَقُولُونَ يَلْقَحُونَ التَّخْلَ فَقَالَ مَا تَصْنَعُونَ قَالُوا كُنَّا نَصْنَعُهُ قَالَ لَعَلَّكُمْ لَوْ لَمْ تَفْعَلُوا كَانَتْ خَيْرًا فَتَرَكُوهُ فَتَقَصَّتْ أَوْ فَتَقَصَّتْ قَالَ فَذَكَّرُوا ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ إِذَا أَمَرْتُكُمْ بِشَيْءٍ مِنْ دِينِكُمْ فَخُذُوا بِهِ وَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِشَيْءٍ مِنْ رَأْيٍ فَإِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ.<sup>89</sup>

Maksudnya:

"Diceritakan kepada kami oleh Abū al-Najāsyī yang menyebut bahawa Rafi' bin Khadij menyebut : "Rasulullah s. 'a.w. datang ke Madinah pada saat penduduk Madinah mendebungkan putik kurma. Maka baginda bertanya : "Apa yang mereka lakukan?" Mereka menjawab : "Kami sedang mengacukkan putik kurma." Nabi s. 'a.w. bersabda : "Barangkali kalau kalian tidak melakukannya itu lebih baik." Lalu merekapun tidak melakukannya. Kemudian buah pohon kurma mereka ternyata berkurang. Rafi' berkata : "Hal ini mereka ceritakan kepada Rasulullah s. 'a.w. Maka Rasulullah s. 'a.w. bersabda : "Saya hanya manusia, apabila aku memerintahkan kepada kalian berkaitan urusan agama, maka pegangilah dengan teguh perintah itu. Dan apabila aku memerintahkan pada kalian mengenai sesuatu daripada pendapatku, maka aku hanyalah manusia."

<sup>89</sup>Muslim b. Hajjāj (1995), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Faḍā'il, no. hadith 6079, j.15. Bayrūt : Dār al-Ma'rifah, h. 116.

Hadith di atas menunjukkan bahawa pendapat Rasulullah s.‘a.w. adalah dalam bentuk *zanni* (agakan) dalam masalah pencarian nafkah yang memerlukan pengalaman dan eksperimen. Ia termasuk masalah teknikal, bukan merupakan sunnah yang perlu diikuti. Walaubagaimanapun, para sahabat beranggapan ia adalah suatu arahan agama dan hukum syariat yang mesti ditaati.<sup>90</sup>

Selain daripada sikap sahabat yang cukup patuh dalam mengamalkan sunnah, Rasulullah s.‘a.w. secara peribadinya amat menggalakkan umat baginda, termasuk para sahabat agar mengamalkan sunnah baginda dan melarang mereka daripada meninggalkan segala sunnah tersebut.

Baginda juga sememangnya cukup bertegas dalam soal pengamalan sunnah. Baginda juga kadang-kadang melahirkan perasaan tidak senang hati apabila mengetahui ada sesetengah para sahabat yang tidak melakukan apa yang baginda lakukan.

Contoh ini dapat dilihat menerusi hadith berikut :

عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ أَنَّ رَجُلًا قَبِلَ امْرَأَتَهُ وَهُوَ صَائِمٌ فِي رَمَضَانَ فَوَجَدَ مِنْ ذَلِكَ وَجْدًا شَدِيدًا فَأَرْسَلَ امْرَأَتَهُ تَسْأَلُ لَهُ عَنْ ذَلِكَ فَدَخَلَتْ عَلَى أُمِّ سَلَمَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَتْ ذَلِكَ لَهَا فَأَخْبَرَتْهَا أُمُّ سَلَمَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقْبَلُ وَهُوَ صَائِمٌ فَرَجَعَتْ فَأَخْبَرَتْ زَوْجَهَا بِذَلِكَ فَزَادَهُ ذَلِكَ شَرًّا وَقَالَ لَسْنَا مِثْلَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُ يُحِلُّ لِرَسُولِ

<sup>90</sup>Yūsuf al-Qaradāwī (Dr.)(1998), *al-Sunnah Maṣḍaran li al-Ma‘rifah wa al-Ḥaḍārah.*, c.2. Kaerah : Dār al-Syurūq, h. 21.

اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا شَاءَ ثُمَّ رَجَعَتْ امْرَأَتُهُ إِلَى أُمِّ سَلَمَةَ  
فَوَجَدَتْ عِنْدَهَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا لِهَذِهِ الْمَرْأَةِ فَأَخْبَرْتُهُ أُمُّ سَلَمَةَ فَقَالَ رَسُولُ  
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَلَا أَخْبَرْتِيهَا أَنِّي أَفْعَلُ ذَلِكَ فَقَالَتْ قَدْ  
أَخْبَرْتَهَا فَذَهَبَتْ إِلَى زَوْجِهَا فَأَخْبَرْتُهُ فَرَادَهُ ذَلِكَ شَرًّا وَقَالَ لَسْنَا  
مِثْلَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُ يُحِلُّ لِرَسُولِهِ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا شَاءَ فَغَضِبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
وَقَالَ وَاللَّهِ إِنِّي لَأَتَفَاكُمُ لِلَّهِ وَأَعْلَمُكُمْ بِحُدُودِهِ.<sup>91</sup>

Maksudnya:

"Dari 'Ata' bin Yasar yang menceritakan berkaitan kisah seorang lelaki dari kalangan sahabat yang mencium isterinya sedangkan beliau berpuasa di bulan Ramadhan. Akibatnya, beliau merasa tidak sedap hati, lalu beliau menyuruh isterinya bertanyakan Rasulullah s. 'a.w. hukum berkenaan perkara tersebut. Isterinyapun keluar menemui Ummu Salamah, isteri Rasulullah s. 'a.w., lalu memaklumkan perkara tersebut. Maka Ummu Salamah telah memberitahu bahawa Rasulullah s. 'a.w. juga pernah menciumnya ketika sedang berpuasa. Isteri sahabat berkenaan pulang ke rumah dan memaklumkan apa yang disampaikan. Jawapan tersebut membuatkan sahabat tersebut tidak senang hati dan berkata : "Kita tidak seperti Rasulullah s. 'a.w. Allah SWT menghalalkan kepada RasulNya apa sahaja yang Dia kehendaki." Kemudian isterinya terpaksa sekali lagi menemui Ummu Salamah dan ketika itu Rasulullah s. 'a.w. berada di rumah Ummu Salamah. Rasulullah s. 'a.w. bertanya : "Wahai Ummu Salamah, ada keperluan apa wanita ini?." Ummu Salamah menjelaskan kepada baginda lalu Rasulullah s. 'a.w. bertanya, "Apakah engkau tidak memberitahu kepadanya bahawa aku melakukan hal yang sama?." Ummu Salamah menjawab, "Saya telahpun memaklumkan kepadanya." Wanita itu kemudian kembali dan memberitahu kepada suaminya tentang jawapan Rasulullah s. 'a.w. Jawapan tersebut membuatkan suaminya bertambah susah hati dan berkata, "Kita tidaklah seperti Rasulullah s. 'a.w. Allah SWT menghalalkan kepada Rasulullah s. 'a.w. mengikut kehendakNya." Kata-kata sahabat tersebut sampai ke pengetahuan Rasulullah s. 'a.w., lalu baginda merasa tidak senang hati dan bersabda : "Sesungguhnya aku

<sup>91</sup> Mālik b. Anas (1981), *op. cit.*, Kitāb al-Ṣiyām, no. hadith 13, j.1, h. 291.

*merupakan orang yang paling bertakwa kepada Allah SWT di kalangan kamu dan orang yang paling arif tentang sempadannya di kalangan kamu."*

Hadith di atas menggambarkan bahawa sikap wara' suami wanita tersebut mendorongnya menyangka bahawa hukum itu khusus untuk Rasulullah s.'a.w. sehinggalah Rasulullah s.'a.w. sendiri menegaskan bahawa hukum tersebut adalah dalam bentuk umum.<sup>92</sup>

Walaupun bagaimanapun, penulis ingin menegaskan bahawa para sahabat merupakan golongan yang amat arif berkenaan batasan arahan dan larangan Rasulullah s.'a.w. Mereka mengikut baginda dalam segala hal; sama ada melibatkan tingkah laku, ibadat dan muamalah baginda, kecuali dalam beberapa batasan berikut :<sup>93</sup>

- 1) Mereka diberitahu oleh baginda bahawa perkara tersebut hanya khusus untuk baginda dalam perkara-perkara tertentu.
- 2) Para sahabat mengetahui bahawa ia merupakan ijihad baginda dalam urusan yang berkaitan dunia. Contohnya semasa peristiwa Perang Badar berkaitan pemilihan tempat untuk berkubu.
- 3) Sebarang ijihad baginda dalam urusan agama sebelum turun wahyu daripada Allah SWT sama ada ia berbentuk arahan atau larangan.
- 4) Jika sunnah baginda merupakan suatu perkara yang asing bagi mereka, lalu mereka akan membincangkannya untuk mengetahui hikmah di sebalik kejadian tersebut sahaja.

<sup>92</sup> Al-Khaṭīb, *op.cit.*, h. 64.

<sup>93</sup> 'Abd al-Ghānī 'Abd al-Khāliq, *op.cit.*, h. 284., al-Sibā'ī, *op.cit.*, h. 72.

- 5) Sekiranya mereka menyangka bahawa sesuatu arahan Rasulullah s.‘a.w. merupakan perkara yang hanyalah harus dilakukan, dan meninggalkannya adalah lebih baik. Pendirian para sahabat berlaku dalam situasi ini ketika mana mereka sendiri melihat Rasulullah s.‘a.w. juga tidak melakukan perkara tersebut.

Selain daripada kesemua perkara di atas, maka kesemua para sahabat mengikut dan mengamalkan sunnah Rasulullah s.‘a.w. tanpa sebarang penafian.

## 2.5.2 Zaman Sahabat

Ulama berselisih pendapat dalam menentukan definisi sahabat. Walaubagaimanapun, istilah yang paling masyhur di kalangan ulama hadith dalam menerangkan konsep sahabat Rasulullah s.‘a.w. ialah setiap individu beragama Islam yang sempat melihat Rasulullah s.‘a.w.,<sup>94</sup> sekalipun persahabatan mereka dengan Rasulullah s.‘a.w. tidak lama dan mereka tidak meriwayatkan sebarang hadithpun daripada baginda.<sup>95</sup>

<sup>94</sup>Abū Ishāq Ibrāhīm b. ‘Umar al-Ja‘barī (2000), *Rusūm al-Taḥdīth fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Bayrūt : Dār Ibn Ḥazm, h. 142., Abū ‘Amr ‘Uthmān b. ‘Abd al-Raḥmān al-Syahrāzurī (Ibn al-Ṣalāh) (1972), *‘Ulūm al-Ḥadīth*, c. 2. Madīnah : al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, h. 263., Sirāj al-Dīn ‘Umar b. Raslān al-Bulqīnī al-Syāfi‘ī (1999), *Maḥāsīn al-Iṣṭilāḥ fī Taḥmīn Ibn al-Ṣalāh*, ditahqiq oleh Khalīl al-Manṣūr. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 241., Nūr al-Dīn ‘Atar (Dr.) (1997), *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, c. 3. Bayrūt : Dār al-Fīkr al-Mu‘āṣir, h. 116.

<sup>95</sup>Ismā‘īl bin Kathīr (1989), *Ikhtisār ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 120., Ibn al-Ṣalāh (1326 H), *al-Muqaddimah*. Kaherah : Maṭba‘ah al-Sa‘ādah, h. 118.

Para sahabat merupakan golongan yang memiliki kriteria yang cukup istimewa dan memiliki keutamaan tersendiri.<sup>96</sup> Mereka merupakan golongan yang paling berpegang teguh kepada sunnah Rasulullah s.‘a.w.

Sebagaimana kesetiaan dan kepatuhan mereka yang tidak berbelah bahagi dalam melaksanakan arahan dan menjauhi larangan Rasulullah s.‘a.w. semasa baginda masih hidup, begitulah juga kondisi mereka selepas baginda s.‘a.w. telah wafat.

Kepatuhan para sahabat dalam mengamalkan sunnah Rasulullah s.‘a.w. biarpun baginda telah wafat dapat dibuktikan dalam beberapa keadaan berikut :

**1) Para sahabat mengikut secara total apa yang mereka lihat dan ketahui bahawa ia merupakan sunnah Rasulullah s.‘a.w.**

Contoh daripada pernyataan ini dapat difihat melalui *athar-athar*<sup>97</sup> berikut :

**Pertama:**

عَنْ مَيْسَرَةَ رَأَيْتُ عَلِيًّا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ شَرِبَ قَائِمًا فَقُلْتُ تَشْرَبُ  
وَأَنْتَ قَائِمٌ قَالَ إِنْ أَشْرَبَ قَائِمًا فَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَشْرَبُ قَائِمًا وَإِنْ أَشْرَبَ قَاعِدًا فَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَشْرَبُ قَاعِدًا.<sup>98</sup>

<sup>96</sup>Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. ‘Abd Allāh al-Hāfiẓ al-Naysabūrī (1977), *Kitāb Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth*, c. 2. Madinah : al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, h. 22-24.

<sup>97</sup>Jumhur ulama menyatakan bahawa *Athār* bermaksud sesuatu yang dinisbahkan kepada Rasulullah s.‘a.w. serta apa yang dinisbahkan kepada para sahabat dan tabi‘in. Rujuk al-Khaṭīb, *op.cit.*, h. 22.

<sup>98</sup>Al-Bukhārī (1998 ), *op. cit.*, Kitāb al-Asyribah, no. hadith 5615, j.3, h. 472., Aḥmad b. Ḥanbal (1991), *op. cit.*, Musnad al-‘Asyarah al-Mubasyirah bi al-Jannah, no. hadith 1084. Matan hadith adalah berdasarkan Musnad Aḥmad bin Ḥanbal.

Maksudnya :

"Diriwayatkan daripada Maysarah yang menyatakan bahawa : "Saya melihat 'Alī bin Abi Tālib minum sambil berdiri. Saya bertanya kepadanya : "Engkau minum sambil berdiri ?." Ali menjawab : "Jika saya minum sambil berdiri, maka itu adalah kerana saya melihat Rasulullah minum sambil berdiri. Dan, jika saya minum sambil duduk, maka itu adalah kerana saya melihat Rasulullah minum sambil duduk."

**Kedua:**

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَكَبَّ عَلَى  
الرُّكْنِ فَقَالَ إِنِّي لَأَعْلَمُ أَنَّكَ حَجَرٌ وَلَوْ لَمْ أَرَ حَبِيبِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ قَبْلَكَ وَاسْتَلَمَكَ مَا اسْتَلَمْتُكَ وَلَا قَبْلُكَ وَ ( لَقَدْ كَانَ لَكُمْ  
فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ).<sup>99</sup>

Maksudnya:

"Daripada Ibn 'Abbās menyatakan bahawa 'Umar bin al-Khattāb berdiri berhampiran rukun yamani sambil berkata : "Sesungguhnya saya tahu bahawa engkau adalah batu. Kalau saja saya tidak melihat kekasihku, Rasulullah s. 'a.w. menciummu atau mengusapmu, nescaya saya tidak akan mengusapmu atau menciummu. Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik."

**Ketiga:**

Semasa hayat baginda, Rasulullah s. 'a.w. memerintahkan para sahabat dan orang-orang yang bersama baginda pada hari penaklukan kota Mekah agar mereka menampakkan bahu mereka dan berjalan cepat pada saat melakukan tawaf, dengan maksud agar kaum Musyrikin melihat kekuatan mereka. Ketika

<sup>99</sup> Ahmad b. Hanbal (1991), *op. cit.*, Musnad 'Umar al-Khattāb, no. hadith 131, j. 1, h. 54.

kedaulatan Islam telah kuat, 'Umar berpendapat bahwa perintah itu tidak lagi relevan. Di dalam suatu hadits, ada menyatakan :

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَمِعْتُ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ يَقُولُ فِيمَا الرَّمْلَانِ الْآنَ وَالْكَشْفُ عَنِ الْمَنَاقِبِ وَقَدْ أَطَّأَ اللَّهُ الْإِسْلَامَ وَتَفَى الْكُفْرَ وَأَهْلَهُ وَمَعَ ذَلِكَ لَا نَدْعُ شَيْئًا كُنَّا نَفْعَلُهُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.<sup>100</sup>

Maksudnya:

"Daripada Zayd bin 'Aslam dari ayahnya yang menyebut bahawa : "Aku mendengar 'Umar bin al-Khattāb berkata : "Sekarang untuk apa berjalan cepat dan menampakkan bahu. Allah SWT telah mengukuhkan Islam dan menghancurkan kekufuran dan orang-orang kafir. Sekalipun demikian, kami tidak akan meninggalkan sesuatu yang dilakukan oleh Rasulullah s. 'a.w. "

Dalil yang telah dinyatakan menunjukkan bahawa para sahabat memiliki pegangan yang teguh dan tidak berbelah bahagi terhadap sunnah Rasulullah s. 'a.w. dengan terus konsisten mengamalkannya.

- 2) Para sahabat saling mengingatkan antara satu sama lain agar mengamalkan sunnah Rasulullah s. 'a.w. dan amat marah serta bersikap tegas terhadap orang yang enggan melaksanakan sunnah baginda s. 'a.w.

Contoh situasi tersebut dapat dibuktikan melalui *athar* berikut :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُغْفَلٍ أَنَّهُ كَانَ جَالِسًا إِلَى جَنِّهِ ابْنِ أَخِي لَهُ فَخَذَفَ فَنَهَاهُ وَقَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْهَا فَقَالَ

<sup>100</sup> *Ibid.*, Musnad 'Umar al-Khattāb, no. hadits 317, j. 1, h. 103.



إِنَّهَا لَا تَصِيدُ صَيْدًا وَلَا تَنْكِي عَدُوًّا وَإِنَّهَا تَكْسِرُ السِّنَّ وَتَقْفَأُ الْعَيْنَ  
 قَالَ فَعَادَ ابْنُ أَخِيهِ فَيَحْذَفُ فَقَالَ أَحَدُكَ أَنْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ  
 عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْهَا ثُمَّ عُدَّتْ تَحْذِفُ لَا أَكَلِمَكَ أَبَدًا .<sup>101</sup>

Maksudnya :

“Da’ipada ‘Abd Allāh bin Mughaffal menceritakan bahawa anak saudaranya duduk di sampingnya. Kemudian anak itu melemparkan batu kecil. ‘Abd Allāh melarangnya dengan berkata : “Rasulullah melarang hal itu.” Dia menjawab: “Batu kecil itu tidak dapat membunuh bintang buruan dan tidak pula mengalahkan musuh. Sesungguhnya ia dapat memecahkan gigi dan mencungkil mata.” ‘Abd Allāh bin Mughaffal berkata bahawa anak saudaranya itu kembali melemparkan batu kecil. Kemudian dia berkata : “Saya telah memberitahumu bahawa Rasulullah s. ‘a.w. melarang hal itu, sedangkan engkau kembali melemparkan batu kecil. Maka, mulai sekarang, saya tidak mahu berbicara kepadamu selama-lamanya.”

### 3) Para sahabat saling melarang antara satu sama lain daripada melebihi sunnah baginda.

Contoh ini dapat dilihat daripada perbuatan ‘Umar bin al-Khaṭṭāb yang pernah melarang seorang sahabat daripada melebihi apa yang dikerjakan Rasulullah s. ‘a.w., berdasarkan hadith berikut :

عَنْ يَعْلَى بْنِ أُمَيَّةَ قَالَ طُفْتُ مَعَ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ  
 فَاسْتَلَمَ الرُّمْحَ قَالَ يَعْلى فَكُنْتُ مِمَّا يَلِي الْبَيْتَ فَلَمَّا بَلَغْتُ الرُّمْحَ  
 الْعَرَبِيُّ الَّذِي يَلِي الْأَسْوَدَ جَرَزْتُ بِيَدِهِ لَيْسْتَلِمَ فَقَالَ مَا سَأَلْتُكَ فَقُلْتُ  
 أَلَا تَسْتَلِمُ قَالَ أَلَمْ تَطْفُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

<sup>101</sup> Al-Bukhārī (1998), *op. cit.*, Kitāb al-Dhabā’ih wa al-Ṣayd, no. hadith 5479, j.3, h. 442., Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Yazīd al-Qazwīnī (1975), Sunan Ibn Mājah, Muqaddimah, no. hadith 17, Bayrūt : al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, h. 8.

فَقُلْتُ بَلَىٰ فَقَالَ أَفَرَأَيْتَهُ يَسْتَلِمُ هَذَيْنِ الرُّكْنَيْنِ الْعَرَبِيِّنِ قَالَ فَقُلْتُ لَا  
 قَالَ أَفَلَيْسَ لَكَ فِيهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ قَالَ قُلْتُ بَلَىٰ قَالَ فَاتَّقِذْ عَنْكَ.<sup>102</sup>

Maksudnya:

"Daripada Ya'la bin Umayyah menyebut : "Saya melakukan tawaf bersama 'Umar bin al-Khaṭṭāb r.a., maka 'Umar mengusap satu rukun. Ya'la berkata : "Sedangkan saya pula meneruskan tawaf. Ketika saya sampai di rukun gharbi yang berada dekat dengan pintu Ka'bah, dekat Hajar al-Aswad saya memegang tangan 'Umar agar ia mengusap Hajar al-Aswad. 'Umar bertanya : "Apakah engkau pernah melakukan tawaf bersama Rasulullah s. 'a.w.?" Saya menjawab : "Ya". 'Umar bertanya lagi : "Apakah engkau melihat baginda mengusapnya ?." Saya menjawab : "Tidak." Apabila mendengar jawapan saya, 'Umar bertanya : "Bukankah telah ada pada diri Rasulullah s. 'a.w. itu teladan yang baik bagimu?" Aku menjawab: "Memang benar." 'Umar berkata : " Maka hentikanlah perbuatanmu itu. "

### 2.5.3 Zaman Tabi'in

Tabi'in merupakan orang yang mengaku beriman dengan Rasulullah s. 'a.w., yang sempat berjumpa dengan para sahabat.<sup>103</sup>

Para tabi'in sebagai golongan yang terpilih mewarisi para sahabat, merupakan golongan yang turut sama-sama menjaga dan mengamalkan segala sunnah Rasulullah s. 'a.w. Mereka juga merupakan orang-orang yang mempertahankan agama Allah SWT dan menunaikan segala yang diperintahkan sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran:

<sup>102</sup> Ahmad b. Hanbal (1991), *op. cit.*, Musnad 'Umar al-Khaṭṭāb, no. hadith 253, j. 1, h. 86.

<sup>103</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī (1978), *Nukhbah al-Fikar*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 184., Ibn al-Salāh, *op. cit.*, h. 123., al-Ja'bari, *op. cit.*, h. 148., Ibn Kathīr, *op. cit.*, h. 131., al-Bulqīni, *op. cit.*, h. 252.

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ  
بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي  
تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ.

MaKsudnya:

"Dan orang-orang yang terdahulu ( yang mula-mula berhijrah dan memberi bantuan ) di antara orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang menurut mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha kepada mereka dan mereka pula redha kepada Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar."

Surah al-Tawbah (9): 100

Ibn Kathīr menyatakan bahawa golongan yang mengamalkan sunnah merupakan mereka yang dimaksudkan oleh Allah SWT sebagai orang-orang yang mengikut para sahabat dengan kebaikan. Mereka mematuhi segala suruhan dan larangan Allah SWT tanpa mengubah sebarang peraturan yang telah ditetapkan olehNya.<sup>104</sup>

Contoh-contoh kepatuhan para tabi'in dalam mengamalkan sunnah adalah sebagaimana berikut :

<sup>104</sup> Ismā'il b. Kathīr (t.t.) *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, j. 2. T.T.P. : T.P., h. 385.

## 1. 'Umar b. 'Abd al-'Aziz<sup>105</sup> ( 682-719H)

Beliau pernah mengeluarkan arahan kepada semua rakyatnya bahawa beliau tidak akan memberi muka kepada orang yang melakukan sesuatu yang bercanggah dengan sunnah Rasulullah s. 'a.w.<sup>106</sup>

Suatu riwayat lain turut menggambarkan prinsip beliau terhadap sunnah Rasulullah s. 'a.w., iaitu :

عَنْ أَبِي الصَّلْتِ قَالَ كَتَبَ رَجُلٌ إِلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الْعَزِيزِ يَسْأَلُهُ عَنِ الْقَدْرِ فَكَتَبَ أَمَّا بَعْدُ أَوْصِيكَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَالْإِقْتِصَادِ فِي أَمْرِهِ وَاتَّبَاعِ سُنَّةِ نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَرَكَ مَا أَحَدَّثَ الْمُحَدِّثُونَ بَعْدَ مَا جَرَتْ بِهِ سُنَّتُهُ وَكَفُّوا مُؤْتَنَهُ فَعَلَيْكَ بِلُزُومِ السُّنَّةِ فَإِنَّهَا لَكَ بِإِذْنِ اللَّهِ عِصْمَةٌ. <sup>107</sup>

Maksudnya :

*"Daripada Abū al-Ṣalt yang menyatakan bahawa seorang lelaki telah menulis kepada 'Umar bin 'Abd al-'Azīz bertanya beliau tentang masalah qadar. Maka beliau membalas dengan menulis: ....aku mewasiatkan kamu supaya bertaqwa kepada Allah dan berhati-hati dalam membincangkan urusanNya serta mengikut sunnah nabiNya. Tinggalkanlah apa yang telah diada-adakan oleh para pembuat sesuatu yang baru selepas terjadinya sesuatu urusan berdasarkan sunnah baginda dalam keadaan mereka meninggalkan panduan yang telah ditinggalkan oleh baginda. Maka, wajib bagimu sentiasa beriltizam dengan sunnah. Sesungguhnya kamu akan terpelihara dengan izin Allah."*

<sup>105</sup> Nama penuh beliau ialah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz bin Marwān, salah seorang khalifah Bani Umayyah yang mengambil alih tampuk pemerintahan selepas Khalifah Sulaymān bin 'Abd al-Mālik. Beliau terkenal sebagai khalifah yang bertakwa dan mempunyai sikap toleransi dengan golongan Kafir Dhimmī. Beliau tidak pernah menyalahgunakan wang *Bayt al-Māl* dan menghentikan amalan mencerca Saydina 'Ali bin Abu Talib ketika penyampaian khutbah Jumaat sepanjang pemerintahan beliau. Rujuk Muḥammad Syafiq Ghirbāl, *op. cit.*, h. 1237.

<sup>106</sup> Al-A'zamī, *op. cit.*, h. 19.

<sup>107</sup> Abū Dāwūd (1988), *op. cit.*, Kitāb al-Sunnah, no. hadith 4612, j. 4, h. 202-203.

2. Ḥasan al-Baṣrī (m. 110H)

Kata beliau :

عمل قليل في سنة خير من عمل كثير في بدعة.<sup>108</sup>

Maksudnya :

"Amalan yang sedikit yang menepati sunnah adalah lebih baik daripada amalan banyak yang merupakan bid'ah."

3. Ibn Syihāb<sup>109</sup> (50-124H)

Beliau berkata :

بلغنا عن رجال من أهل العلم قالوا الإعتصام بالسنة نجاة.<sup>110</sup>

Maksudnya :

"Telah sampai kepada kami ucapan daripada pakar-pakar ilmu yang menyatakan bahawa berpegang dengan sunnah akan selamat."

Keprihatinan beliau terhadap sunnah juga dapat dinilai daripada kata-kata

beliau :

سلموا للسنة ولا تعارضوها.<sup>111</sup>

Maksudnya :

"Hendaklah kamu mematuhi sunnah dan jangan menentanginya."

<sup>108</sup> Al-Mullā 'Alī al-Qārī (t.t.), *Syarḥ al-Syifā li al-Qādi 'Iyād*, j. 2. Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 24.

<sup>109</sup> Nama penuh beliau ialah Abū Bakr Muḥammad bin Muslim bin 'Ubayd Allāh bin Syihāb bin 'Abd Allāh bin al-Hārith bin Zuhrah bin Kīlāb; salah seorang tabi'in utama yang alim dan pakar dalam bidang hadith. Rujuk Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī (1990), *Siyar A'lām al-Nubalā'*, ditahqiq oleh Syu'ayb al-Arna'ūt, j.5, c.7. Bayrūt : Muassasah al-Risālah, h. 326.

<sup>110</sup> Al-Qārī, *loc cit.*

<sup>111</sup> Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī bin Thābit al-Khatīb al-Baghdādī (1996), *Kitāb al-Faqīh wa al-Mutafaqqih*, ditahqiq oleh Abū 'Abd al-Raḥmān dan 'Ādil bin Yūsuf al-'Azāzī, j. 1. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah : Dār Ibn al-Jawzī, h. 385.

#### 4. 'Urwah bin al-Zubayr (22- 93 H)<sup>112</sup>

Kata-kata beliau :

<sup>113</sup> السنن السنن فان السنن قوام الدين.

Maksudnya :

"*Sunnah, sunnah. Sesungguhnya ia merupakan tunjang agama.*"

#### 5. Tāwūs bin Kaysān (m. 106H)<sup>114</sup>

Ketegasan beliau dalam mempertahankan sebarang amalan yang diyakini merupakan sunnah Rasulullah s.'a.w., walaupun dalam masa yang sama dipertikaikan oleh orang lain, tergambar melalui satu peristiwa ketika beliau melakukan solat sunat dua rakaat selepas solat Asar.

Perbuatan tersebut telah dilihat oleh Ibn 'Abbās, lalu menyatakan bahawa beliau tidak melakukan solat sunat tersebut kerana Rasulullah s.'a.w. pernah melarang daripada melakukannya. Maka, Tāwūs menjawab bahawa Rasulullah s.'a.w. melarang daripada melakukan solat tersebut kerana dibimbangi ia akan dijadikan sebagai suatu kebiasaan, tetapi tidak menjadi suatu kesalahan sekiranya solat dua rakaat tersebut ditunaikan dalam keadaan tidak berniat untuk melakukannya secara berterusan.

<sup>112</sup>Nama penuh beliau ialah 'Urwah bin al-Zubayr bin al-'Awwām bin Khuwaylid bin Asad bin 'Abd al-Uzzā bin Qusay bin Kilāb; anak kepada Asmā' binti Abū Bakr al-Ṣiddīq. Beliau dilahirkan pada masa pemerintahan Khalifah 'Uthmān bin 'Affān; salah seorang daripada tujuh orang tokoh fuqaha' Madinah yang terkenal dengan sifat alim, warak dan mempunyai ingatan yang kuat. Beliau mengahwini Sawdah binti 'Abd Allāh bin 'Umar, warak dan mempunyai ingatan yang kuat. Beliau mengahwini Sawdah binti 'Abd Allāh bin 'Umar, iaitu cucu kepada Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz, dan dikurniakan empat orang anak lelaki iaitu Yahyā, 'Uthmān, Hisyām dan Muḥammad yang kemudiannya turut mewarisi keilmuan beliau. Rujuk 'Abd al-Mun'im al-Hāsyimī (2000), *Aṣ-ṣal-Tābi'in*, c.3. Bayrūt : Dār Ibn Kathīr, h. 42-57.

<sup>113</sup>Al-A'zamī, *op.cit.*, h. 19.

<sup>114</sup>Nama penuh beliau ialah Tāwūs bin Kaysān al-Khawlānī al-Ḥamdānī. Salah seorang daripada tokoh tabi'in yang terkemuka. Nama beliau terkenal sebagai seorang tokoh yang cukup pakar dalam meriwayatkan hadith. Beliau meninggal dunia di Muzdalifah semasa menunaikan haji pada tahun 106H. Rujuk Aḥmad b. Ḥajar Syihāb al-Dīn al-'Asqalānī (1996), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, ditahqiq oleh Ibrāhīm al-Zaybaq dan 'Ādil Mursyid, j.2. Bayrūt : Muassasah al-Risālah, h. 235.

Namun begitu, Ibn 'Abbās tetap mempertahankan bahawa larangan Rasulullah s.'a.w. daripada melakukan solat dua rakat selepas Asar tersebut adalah bersifat mutlak; dalam masa yang sama, Tāwūs masih juga menegaskan bahawa beliau tidak mempunyai pilihan melainkan mengikut apa yang dibawa oleh Rasulullah s.'a.w.<sup>115</sup> berlandaskan kepada firman Allah SWT :

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُبِينًا.

Maksudnya:

*"Dan tidaklah patut bagi lelaki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukmin, apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barangsiapa yang menderhakai Allah dan RasulNya maka sungguhlah dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata."*

Surah al-Aḥzāb (33): 36

#### 6. Sufyān bin 'Uyaynah<sup>116</sup> (107-198H / 725-814M)

Beliau pernah menyebut :

ملاك الأمر الإتياع.<sup>117</sup>

Maksudnya :

*"Tunjang sesuatu perkara ialah mengikut (sunnah Rasulullah s.'a.w.)."*

#### 7. 'Abd al-Raḥmān b. Amr al Awzā'ī (m.157 H) :

Beliau pernah menasihatkan seseorang dengan berkata :

<sup>115</sup> Ṣubḥī al-Sālīḥ, *op. cit.*, h. 292.

<sup>116</sup> Nama penuh beliau ialah Sufyān bin 'Uyaynah bin Maymūn al-Hilālī al-Kūfī Abū Muḥammad. Beliau dilahirkan di Kufah tetapi menetap dan meninggal dunia di Mekah. Merupakan seorang ahli hadith yang alim, wara' dan amanah. Rujuk Khayr al-Dīn al-Zereklī (1979), *al-A'lam*, j. 3, c. 4, Bayrūt : Dār al-'Ilm al-Malāyīn, h. 105.

<sup>117</sup> Al-Baghdādī, *op. cit.*, h. 387.

إذا بلغك عن رسول الله صلى الله عليه وسلم حديث فلا تظن  
غيره ولا تقولن غيره فإن محمدا مبلاغا عن ربه .<sup>118</sup>

Maksudnya :

*"Apabila telah disampaikan kepada kamu suatu hadith daripada Rasulullah maka jangan kamu ragu-ragu atau menyatakan bahawa ia bukanlah hadith. Sesungguhnya Muhammad merupakan penyampai dari Tuhannya."*

Kesungguhan para tabi'in ini dalam mengamalkan sunnah di samping menyuruh orang lain mengamalkannya tidak perlu diragui. Ia tergambar secara jelas daripada kata-kata mereka sebagaimana yang telah penulis paparkan.

## 2.6 Penutup

Sunnah Rasulullah s.'a.w. sememangnya mempunyai definisi tersendiri. Autoritinya sebagai sumber teras kedua Islam selepas al-Quran semestinya tidak perlu dipertikaikan lagi. Peranannya yang ideal mengukuhkan lagi realiti bahawa sunnah wajib diamalkan. Para sahabat dan tabi'in pula merupakan suatu model terbaik berkaitan pengamalan sunnah Rasulullah s.'a.w.

---

<sup>118</sup> *Ibid.*